

LAPORAN TAHUNAN
2016
ANNUAL REPORT



Kandungan

1

VISI DAN MISI	3
SURUHANJAYA	4
Perutusan Pengerusi	6
Anggota-Anggota Suruhanjaya	8
Matlamat Dasar Kebangsaan Bagi Industri Perkhidmatan Air	16
Peranan Suruhanjaya	17
Fungsi-Fungsi Suruhanjaya	18
Jawatankuasa-Jawatankuasa Suruhanjaya	19
Mesyuarat-Mesyuarat Suruhanjaya	21




2

PENGURUSAN	22
Pengurusan Kanan	23
Struktur Organisasi	24
Carta Organisasi	25
Fungsi Jabatan-Jabatan Dan Perkhidmatan Sokongan Di Bawah SPAN	26
LAPORAN SURUHANJAYA	28
DIARI KORPORAT	56

3

PENYATA KEWANGAN	67
Sijil Ketua Audit Negara	68
Laporan Kewangan Suruhanjaya	71
Kenyataan Anggota Suruhanjaya	74
Perakuan Berkanun	75
Lembaran Imbangian	76
Penyata Pendapatan	77
Penyata Perubahan Ekuiti	78
Penyata Aliran Tunai	79
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	80
PEJABAT-PEJABAT SPAN	94



Visi & Misi

“

Visi

Ke arah perkhidmatan air yang mapan, berdaya harap dan termampu untuk semua.


”


“

Misi

Untuk mengawal selia industri perkhidmatan air melalui pelaksanaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dengan adil, berkesan dan telus.

”





Suruhanjaya

Perutusan Pengerusi



Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada mantan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), YB Dato' Ismail bin Kasim, ke atas cemerlang beliau dan kepimpinan yang ditunjukkan semasa tempoh perkhidmatannya. YB Dato 'Ismail telah berjaya memacu SPAN mengharungi cabaran dan meletakkan SPAN sebagai sebuah organisasi yang teguh. Sumbangan, dedikasi dan ketabahan beliau sepanjang perkhidmatan sebagai Pengerusi SPAN amat dikenang dan dihargai oleh ahli-ahli Suruhanjaya, pengurusan dan kakitangan SPAN.

Saya amat berbesar hati atas pelantikan saya sebagai Pengerusi SPAN. Namun begitu, tanggungjawab yang datang adalah amat berat kerana industri perkhidmatan air merupakan salah satu utiliti penting. Sektor ini mempunyai impak yang besar, bukan sahaja kepada pembangunan sosio-ekonomi negara, tetapi juga kepada kesihatan dan kesejahteraan kehidupan rakyat kita, baik sekarang maupun masa depan.



Gambaran Keseluruhan Prestasi

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) terus menghadapi cabaran besar dalam meningkatkan dan mengekalkan kelestarian industri perkhidmatan air selaras dengan perkembangan pesat dan peningkatan jangkaan pengguna. Kerjasama rapat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri sehingga kini telah membolehkan SPAN meneruskan komitmen dalam menguruskan perkhidmatan air secara mampan. Pada September 2016, Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) telah menandatangani perjanjian kemudahan dan pajakan dengan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Justeru, ini telah menjadikan tujuh (7) buah negeri yang menyempurnakan penstrukturkan semula di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). SPAN akan terus membantu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dalam rundingan dengan negeri Selangor, Pahang, Terengganu, Kedah dan Wilayah Persekutuan (FT) Labuan untuk menyertai proses penstrukturkan semula.

Fenomena El Nino yang bermula pada pertengahan tahun 2015 dan mencapai kemuncaknya pada awal 2016, merupakan antara yang terburuk, mengakibatkan sungai-sungai dan takungan air berada pada paras yang rendah sehingga memberi kesan kepada perkhidmatan bekalan air di Johor, Perak, Perlis, Pahang dan Kedah. Di Johor, empat (4) loji rawatan air di daerah Mersing dan Kota Tinggi mengurangkan pengeluaran airnya sejak Mei 2016 berikutan paras air sungai-sungai dan takungan-takungan yang lebih rendah. Catuan air berjadual telah dilaksanakan di Kota Tinggi dan Mersing pada 15 April 2016, manakala, di daerah Kluang, catuan telah bermula dari 17 Oktober 2016 hingga 31 Oktober 2016.

Pertambahan populasi dan pembangunan yang pesat serta pertumbuhan ekonomi yang rancak terus memberi tekanan kepada bekalan air di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya. Setelah siap Projek Mitigasi 2, Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa Satu (SSP1) dan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa Tiga (SSP3) telah meningkatkan pengeluaran airnya lebih daripada kapasiti reka bentuk asal. Kesemua 34 loji rawatan air tersebut telah mampu membekalkan sebanyak 5,027 juta liter sehari (jlh) air terawat kepada kira-kira 2.1 juta pengguna di Selangor, WP Kuala

Lumpur dan Putrajaya. Pada tahun 2016, permintaan air purata setahun adalah pada 4,810 jlh dengan margin rizab sebanyak 4.25%.

Kerajaan melalui SPAN komited dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan melindungi alam sekitar khususnya dalam memelihara kualiti sumber air. Sehingga tahun 2016, terdapat sebanyak 6,752 loji rawatan kumbahan awam (STP) dan 3,338 loji rawatan kumbahan persendirian yang menyediakan perkhidmatan kepada hampir 27.8 juta orang. Terdapat 1,117 stesen rangkaian pam, 93 STP serantau dengan jumlah 18,689 kilometer rangkaian sistem pembetungan. Aset pembetungan akan terus meningkat setiap tahun disebabkan oleh perindustrian yang pesat dan pertumbuhan penduduk.


SPAN terus berusaha dalam meningkatkan kemudahan pembetungan awam dengan melaksanakan projek-projek di bawah Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (SCC). Setakat 31 Disember 2016, sebanyak 26 projek bernilai RM317 juta telah dilaksanakan. Jumlah SCC yang dikumpul adalah sebanyak RM1.38 bilion.

Aktiviti penguatkuasaan yang terus dipergiatkan telah membawa hasil dalam peningkatan kesedaran di kalangan operator-operator air dan orang awam terhadap pelbagai kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 655. Pada tahun 2016, sebanyak 36 kertas siasatan telah dibuka bagi pelbagai kesalahan yang menjadikan jumlah keseluruhan fail siasatan kepada 551 setakat 31 Disember 2016.

Keperluan untuk memiliki industri perkhidmatan air dan pembetungan yang selamat dan mampan masih menjadi tanggungjawab yang mencabar, namun SPAN tetap yakin bahawa dengan sokongan dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak, industri ini mampu berkembang maju ke arah kelestarian pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Liang Teck Meng



Anggota-Anggota Suruhanjaya

Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2007. Anggota-anggota Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Di bawah peruntukan Akta sedia ada, Anggota Suruhanjaya terdiri daripada Pengurus, Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada 8 tetapi tidak lebih daripada 10 orang lain.

Pada tahun 2016, terdapat 14 orang Anggota dalam Suruhanjaya. Ini kerana, dua Anggota Suruhanjaya iaitu Datuk Harjeet Singh dan Dato' Ismail bin Kasim telah tamat perkhidmatan masing-masing pada 31 Mac dan 31 Oktober 2016. Terdapat tiga Anggota

Sruhanjaya baru dilantik pada tahun 2016 iaitu Dato' Sebastian Ting Chiew Yew, bermula 1 Mei 2016, Dato' Dr. Tan Yew Chong bermula 1 April 2016 dan Datuk Liang Teck Meng, bermula 1 November 2016 sebagai Pengurus yang baharu.

Anggota-anggota Suruhanjaya ini masing-masing telah berkhidmat dengan cemerlang di dalam dunia korporat, kerajaan dan organisasi bukan kerajaan dan sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan dalam bidang yang diceburi, mereka telah dilantik sebagai Anggota-anggota Suruhanjaya.



Datuk Liang Teck Meng

Pengerusi (Bermula 1 November 2016)

Datuk Liang Teck Meng telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berkuat kuasa 01 November 2016.

Datuk Liang Teck Meng kini merupakan Ahli Parlimen bagi kawasan Simpang Renggam, Johor. Beliau merupakan seorang ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia dan telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan dalam parti tersebut seperti sebagai Setiausaha Agong Parti Gerakan Rakyat Malaysia, ahli jawatankuasa Parti Gerakan Rakyat Malaysia bagi negeri Johor dan Ketua Bahagian bagi kawasan Simpang Renggam, Parti Gerakan Rakyat Malaysia.

Datuk Liang Teck Meng memperoleh pendidikan menengah dari Foon Yew High School dari tahun 1984 hingga 1989. Pada tahun 1992, Beliau telah melanjutkan pelajaran dalam sijil bahasa Jepun di Persatuan Kebudayaan Pelajar Asia dan kemudian meneruskan ijazah Sarjana Muda di Universiti Tohoku, Jepun dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dari tahun 1993 hingga 1997.

Daripada segi penglibatan masyarakat, Datuk Liang Teck Meng telah berperanan sebagai ahli Lembaga Koko Malaysia dari Februari 2015. Beliau telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Malaysia dari tahun 2008.


Dato' Ismail bin Kasim

Pengerusi (Sehingga 31 Oktober 2016)

Dato' Ismail bin Kasim (DPMP, SMP, AMP) telah dilantik sebagai Pengerusi SPAN berkuatkuasa 1 November 2011. Beliau berasal dari Perlis dan kini merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis Tambun Tulang.

Beliau telah berkhidmat dengan sektor awam serta swasta dalam pelbagai kapasiti termasuk sebagai Pengurus Besar Kanan BERNAS, Perunding dan Pengarah Yew Heng Leong Sdn. Bhd., Pengerusi dan Pengarah Jasmine Food Corporation, Pengarah Peninsular Corporation (Bangkok), Pengarah Benua Haulage Sdn. Bhd., Pengarah Asean Kibaz Sdn. Bhd. dan Pengerusi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Terbaru, dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Felcra Berhad serta Pengerusi Felcra Ever Herald Plantation.

Dari segi penglibatan kemasyarakatan, beliau terlibat secara aktif dalam Belia 4B Perlis sebagai Naib Pengerusi, Ahli Majlis Tertinggi 4B Malaysia, Pengerusi KSK Sanglang, Pengerusi Kelab Konsumeri Dewan Undangan Negeri Tambun Tulang, Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Perlis, Pengurus Pasukan Bola Sepak Perlis dan Presiden Bola Sepak Kelab Felcra Berhad sehingga kini.





Dato' Mohd Ridhuan bin Ismail

Ketua Pegawai Eksekutif

Dato' Mohd Ridhuan Bin Ismail telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SPAN pada 1 Mac 2015. Beliau menyertai SPAN pada tahun 2008 sebagai Pengarah Eksekutif selepas perkhidmatan cemerlang beliau di Jabatan Perkhidmatan Pembetungan sebagai Ketua Pengarah dari tahun 2006 – 2007.

Beliau telah berkhidmat dengan sektor perkhidmatan awam Malaysia di dalam pelbagai kapasiti dari tahun 1982 sebagai Jurutera Kesihatan Awam di Kementerian Kesihatan dan sebagai Pengarah Bahagian Teknikal, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dari tahun 1993 hingga tahun 1996. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pembetungan di Kementerian yang sama dari tahun 1997 hingga 2005.

Selama 26 tahun beliau berkhidmat dengan sektor awam, Dato' Mohd Ridhuan telah banyak terlibat dengan inisiatif baru agensi-agensi Kerajaan untuk mempertingkatkan aktiviti berkaitan dengan kesihatan seperti Program Sanitasi Alam Sekitar dan penswastaan perkhidmatan pembetungan dan penyusunan semula sektor perkhidmatan air di Malaysia.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kejuruteran Awam) dari Universiti Swansea, Wales dan Sarjana Sains (Kejuruteraan Alam Sekitar) dari University of Newcastle upon Tyne, England.

Dato' Zulkifly bin Rafique


Anggota


Dato' Zulkifly bin Rafique telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 2 April 2007.

Beliau adalah Rakan Kongsi Pengurusan bagi Tetuan Zul Rafique & Partners. Beliau mempunyai 37 tahun kelayakan dan pengalaman dalam pelbagai kepakaran.

Sejak tamat pengajian beliau telah berkhidmat dalam bidang Kehakiman dan Perkhidmatan Perundangan, praktik guaman dalam bidang undang-undang jenayah dan sivil serta undang-undang korporat dan perbankan. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah di pelbagai Syarikat Tersenarai Awam (*Public Listed Companies*) dan merupakan bekas Pengerusi SIRIM Berhad serta bekas ahli bagi pertubuhan-pertubuhan seperti Majlis Penasihat Pasaran Modal, Suruhanjaya Sekuriti, Yayasan Laporan Kewangan dan Majlis Kebangsaan bagi Penyelidikan dan Pembangunan Saintifik.

Pada masa ini, beliau mengurus firma undang-undang serta merupakan Pengerusi kepada pelbagai syarikat.





Prof. Datuk Dr. Marimuthu Nadason

Anggota

Prof. Datuk Dr. Marimuthu telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 2 April 2007.

Beliau adalah seorang aktivis pengguna, pekerja sosial dan *campaigner* yang terkenal di Malaysia. Antara jawatan semasa yang disandang oleh beliau adalah, Presiden Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna (ERA Consumer Malaysia), Timbalan Pengerusi *Institute of Marketing Malaysia* (IMM), Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Presiden Persatuan Pengguna-pengguna Standards Malaysia.

Di arena antarabangsa, beliau adalah Ahli Majlis Pengguna Antarabangsa (CI) sejak tahun 2007. Beliau secara berterusan menyokong kerja global CI di samping memberi sokongan kepada pejabat wilayah bagi Asia Pasifik dan Timur Tengah.

Beliau memainkan peranan sebagai penasihat kepada beberapa organisasi dan jawatankuasa termasuk sebagai Pengerusi Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional, Pengerusi Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna, Pengerusi Jawatankuasa Industri Standards Bagi Pengurusan Organisasi di bawah Jabatan Standards Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Beliau juga merupakan Pengarah Biro Pengantaraan Kewangan (FMB). Beliau dilantik sebagai ahli Majlis Konsultasi Ekonomi Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2004 dan sebagai ahli Lembaga Standards dan Akreditasi Negara di bawah Jabatan Standards Malaysia. Beliau juga merupakan Presiden Majlis Penasihat Pengguna Kebangsaan sejak tahun 2011.

Di antara kelulusan akademiknya, beliau telah dianugerahkan Profesor Kehormat Kelakuan Pengguna dari Kolej Universiti Stichting Eurogio, Belanda serta Panel Pakar dan Profesor Kehormat daripada IIC Universiti Teknologi, Kemboja pada tahun 2014. Beliau juga memegang Doktorat Pentadbiran Perniagaan (DBA) dari Universiti Antarabangsa Amerika dan dua Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (dengan pengkhususan dalam Pengurusan Sumber Manusia). Beliau juga merupakan pengamal Perhubungan Awam yang berakreditasi (APR) dan Pedagang Profesional (*Profesional Marketeer*) (CPM) daripada *Asian Marketing Federation*.

Dato' Ir. Sonny Cheah Lai Shin

Anggota

Dato' Ir. Sonny Cheah telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 2 April 2007.


Seorang jurutera awam yang bertauliah, beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan) dari University of London, Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan) dari Imperial College of Science and Technology, University of London dan Ijazah Sarjana Muda (Undang-Undang) dari Ealing College, UK.

Kelayakan profesionalnya termasuk Keahlian Institut Jurutera Malaysia (MIEM), Keahlian Institut Jurutera Awam, UK (MICE), Keahlian Institut Jurutera Struktural, UK (MI Struct E) dan Keahlian Institut Penimbangtara Bertauliah (MCI Arb).

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1970 dan bekerja di beberapa firma pembinaan di United Kingdom sebelum pulang ke tanah air pada tahun 1980. Beliau berpengalaman luas di dalam bidang kejuruteraan awam dan mengendalikan kerja-kerja reka bentuk dan pelaksanaan beberapa projek kejuruteraan awam yang besar dan rumit di United Kingdom dan Malaysia.

Sejak 10 tahun yang lalu, beliau telah memperluaskan kepentingannya ke bidang pembangunan harta tanah dan pelbagai portfolio perniagaan serta pengurusan. Beliau merupakan bekas Pengarah Eksekutif Landmarks Bhd, bekas Pengarah Urusan Amalgamated Industrial Steel Bhd dan ketika ini beliau adalah Presiden Malaysian Overseas Ventures Sdn. Bhd.





Tan Sri Dato' Ir. Syed Muhammad Shahabudin

Anggota

Tan Sri Dato' Ir. Syed Muhammad Shahabudin telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 2 April 2007.

Tan Sri Dato' Ir. Syed Muhammad Shahabudin adalah Pengurus Bukan Eksekutif bagi sebuah firma perunding kejuruteraan iaitu SMHB Sdn. Bhd. Beliau adalah seorang Jurutera Bertauliah dan "Chartered Water and Environmental Manager", United Kingdom dan telah berkecimpung dalam profesion air lebih daripada 50 tahun . Beliau berkelulusan Kejuruteraan Awam dari Plymouth College of Technology dan memulakan kerjaya pada tahun 1963 sebagai jurutera di Ibu Pejabat JKR, sebelum ditugaskan di JKR Selangor dan Pulau Pinang. Pada tahun 1973, beliau dipinjamkan ke Lembaga Air Pulau Pinang sebagai Ketua Jurutera Eksekutif. Pada tahun 1975, beliau menyertai sebagai Rakan Kongsi di sebuah firma perunding kejuruteraan iaitu *Binnie and Partners Malaysia* memulakan kerjaya yang lama dan gemilang sebagai jurutera perunding.

Beliau berpengalaman luas dan pernah melibatkan diri dalam perancangan dan pengurusan projek termasuk memantau pembinaan projek-projek kejuruteraan awam dan infrastruktur yang penting, terutamanya dalam sektor air dan air buangan di Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia.

Beliau juga aktif di dalam beberapa badan sukarela terutamanya sebagai bekas Pengurus Persatuan Jurutera Perunding Malaysia (1985-1987) dan Presiden Persatuan Air Malaysia (MWA) selama 12 tahun sehingga April 2007. Beliau merupakan Bekas Pengurus Perikatan Air Malaysia (MWP) selama 4 tahun sehingga April 2010 dan sebagai ahli Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mulai 1999 hingga kini. Pada tahun 2010, beliau diterima sebagai Fellow Akademi Sains Malaysia dan pada masa ini, beliau adalah Pengurus Tugas Khas bagi Pengurusan Permintaan Air.

Datuk Harjeet Singh


Anggota (Sehingga 31 Mac 2016)

Datuk Harjeet Singh telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Teknologi Hijau dan Air), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada 2 September 2014.

Sebelum ini, Datuk Harjeet Singh telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti bermula dengan Unit Perancang Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Ogos 1989 - April 2001), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Mei - Julai 2001) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Ogos 2001 - 1 September 2014).

Berikutan penstrukturkan semula Organisasi dan Pengukuhan Perjawatan KeTTHA yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2015, struktur dan fungsi tugas Timbalan Ketua Setiausaha (Teknologi Hijau dan Air) telah disusun semula kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pengurusan). Sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pengurusan), Datuk Harjeet Singh diamanahkan untuk menyelia penggubalan dan pelaksanaan dasar, program dan projek-projek yang berkaitan dengan perkhidmatan air, pembetungan dan pengurusan.

Datuk Harjeet Singh merupakan pemegang Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat dari Universiti Utara Malaysia dan lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Ohio State University, USA. Beliau juga memiliki Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Diploma Kejuruteraan Awam dan Diploma Lepasan Ijazah Sains Komputer, kedua-duanya dari Universiti Teknologi Malaysia.





Datuk Roger Tan Kor Mee

Anggota

Datuk Roger Tan Kor Mee telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 Jun 2009.

Beliau adalah Rakan Kongsi Pengurusan Roger Tan & Nurul. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Undang-Undang dari Queen Mary College University of London, Barrister-at Law (Gray's Inn), London dan Ijazah Sarjana Undang-Undang, National University of Singapore. Beliau adalah peguambela dan peguamcara untuk Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Agung Singapura.

Selain SPAN, Beliau adalah juga Ahli Lembaga Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Beliau merupakan ahli Majlis Peguam Malaysia daripada tahun 2004 sehingga 2008 dan pernah mempengerusikan pelbagai jawatankuasa Majlis Peguam. Beliau kini adalah ahli Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara. Beliau juga pernah menjadi Setiausaha Pengasas Persatuan Pengurusan Bahan Buangan (2005-2006) dan pernah menjadi pensyarah Undang-Undang di Kajian Pengajian Perniagaan, Kolej Tunku Abdul Rahman (1989-1993).

Beliau juga adalah Perunding Luar Undang-Undang untuk Kerajaan Negeri Johor sejak tahun 1993 dan pernah menganggotai Jawatankuasa Pemandu untuk draf perundangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2002-2006). Beliau juga merupakan kolumnis media.

Encik Dzulkifli bin Ahmad


Anggota


Encik Dzulkifli bin Ahmad telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 Ogos 2009.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Ashland University, Amerika Syarikat. Beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Beliau pernah berkhidmat sebagai akauntan di Jabatan Telekom, Perbendaharaan Negeri Perak, Kementerian Pelajaran dan di pejabat Jabatan Akauntan Negara di Pulau Pinang dan Kota Kinabalu. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengarah (Audit Dalaman) di Lembaga Hasil Dalam Negeri pada Februari 2005.

Beliau juga telah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Standard Perakaunan Sektor Awam 2004/2005 dan ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia (MIA) dari 2006 hingga 2007 dan telah bersara pada 21 Oktober 2014.





Datuk Dr. Bernard S. Maraat

Anggota

Datuk Dr. Bernard S. Maraat mempunyai lebih daripada 40 tahun pengalaman dalam pelbagai kapasiti sepanjang kerjaya profesional beliau. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Seni Halus (Seni Komunikasi) dan Sarjana Sastera (Kepujian) dalam Komunikasi dan Teknologi dari Institut Teknologi New York. Beliau mempunyai Ijazah Kedoktoran (PhD) dari Universiti New York (NYU), Amerika Syarikat di dalam bidang Maklumat Pendidikan, Komunikasi dan Teknologi di bawah biasiswa Kerajaan Sabah.

Beliau juga memegang Sijil Pengurusan dan Kewangan Korporat dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Sijil *Train of Trainer*, DW (Deutsche Welle) Jerman.

Datuk Dr. Bernard juga telah berkhidmat dengan RTM (Radio Televisyen Malaysia), Jabatan Penerangan selama 34 tahun dan merupakan Ahli Lembaga Pengarah RTM Kuala Lumpur dari tahun 1998 - 2004. Beliau juga adalah seorang penulis dan pembentang pelbagai kertas kerja yang berkaitan dengan Penyiaran, Penerangan, Komunikasi dan Teknologi di pelbagai forum di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah dan Penerbit Televisyen bagi RTM Sabah dan Kuala Lumpur.

Antara keahlian profesional yang disertai oleh Datuk Dr. Bernard S. Maraat, beliau merupakan Ahli Seumur Hidup Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) dan Persatuan Parlimen Antarbangsa (IPA), ahli Pertubuhan Penyiaran Komanwel (CBA) dan berkhidmat sebagai Suruhanjaya UNESCO-Paris ICT Program Pembangunan Komunikasi Antara Jabatan (IPDC) dari 1999 - 2004. Beliau pernah menjadi Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah Keningau Palm Oil Mill, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) dari tahun 2004 - 2009. Beliau kini merupakan Pengurus SAWIT Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) Sandakan Bulkers.

Dato' Ir. Lim Chow Hock


Anggota


Dato' Ir. Lim Chow Hock adalah Presiden Institut Jurutera Malaysia (IEM). Beliau memiliki Ijazah Kejuruteraan (Kepujian) (Awam) dari Universiti Malaya dan Diploma Lepasan Ijazah dalam Kejuruteraan Sumber Air dari Universiti Birmingham.

Sebelum dipilih sebagai Presiden IEM, beliau telah berkhidmat di IEM dalam pelbagai kapasiti seperti Timbalan Presiden dan Naib Presiden. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengurus APEC / *International PE Registers* dan ASEAN Federation of Engineering Organisations. Beliau adalah Pengurus IEM Cawangan Selatan dari tahun 1991 hingga 1993.

Setelah tamat pengajian pada tahun 1978, Dato' Ir. Lim Chow Hock telah berkhidmat di Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS). Beliau bersara pada Jun 2014 selepas berkhidmat selama 36 tahun dalam perkhidmatan awam. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengairan, saliran pertanian, mitigasi banjir, pengurusan air ribut bandar, kejuruteraan sungai, kejuruteraan empangan, pengurusan zon pantai, hidrologi dan pengurusan sumber air. Beliau telah berkhidmat di banyak negeri dalam kapasiti yang berlainan sepanjang kerjayanya di JPS dengan memegang jawatan seperti Jurutera Daerah, Jurutera Projek, Pengarah Negeri dan Pengarah Kanan (Pengurusan) di ibu pejabat. Peranan utama beliau termasuk menyelia semua program dan inisiatif yang berkaitan dengan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) dan Pengurusan Zon Pantai Bersepadu (ICZM). Beliau juga bertanggungjawab bagi semua program pembangunan kapasiti pengurusan air di Malaysia terutamanya yang berkaitan dengan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) dan Pengurusan Air Bandar Bersepadu (IUWM).

Pada masa ini, beliau merupakan Pengurus Rangkaian Pembangunan Kapasiti Malaysia (MyCDNet), ahli lembaga *Cap-Net UNDP* dan merupakan ahli bagi beberapa persatuan profesional lain termasuk Institut Pengurusan Malaysia (MIM), Jawatankuasa Kebangsaan Malaysia bagi Pengairan dan Saliran, Persatuan Hidrologi Malaysia dan *International Association for Hydro-Environment Engineering and Research*. Beliau juga merupakan ahli Exco Persatuan Perikatan Air Malaysia. Beliau adalah Juruaudit Bertauliah dengan *Malaysia Register of Chartered Auditors (MRCA)* dan juga Profesional Bertauliah dalam Kawalan Hakisan dan Mendapan (CPESC). Beliau telah dilantik sebagai ahli Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan sebagai Ahli Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia (MSDAM).





Dato' Sebastian Ting Chiew Yew

Anggota (Bermula 1 Mei 2016)

Dato' Sebastian Ting Chiew Yew telah dilantik sebagai anggota Suruhanjaya pada 01 Mei 2016.

Dato' Sebastian Ting telah menyertai Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) pada November 1986 dan pernah memegang pelbagai jawatan dalam parti. Beliau kini merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi kawasan Piasau dan Setiausaha Agong SUPP. Dato' Sebastian Ting telah dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia dari Mei 2004 hingga April 2009 dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia dari Mei 2009 hingga Mei 2013.

Beliau adalah peguambela dan peguamcara. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Undang-undang (Kepujian Kelas Kedua, Bahagian Pertama) dari Polytechnic of North London pada tahun 1982. Beliau telah diterima masuk untuk Ijazah Utter Barrister pada Julai 1983 dan diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguambela Mahkamah Tinggi Borneo pada tahun 1983. Pada September 1984, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) (Kelas Kedua, Bahagian Kedua) daripada University of Cambridge, Darwin College.

Dari segi penglibatan masyarakat, Dato' Sebastian Ting telah dilantik sebagai Kaunselor Majlis Perbandaran Miri, Miri Sarawak dari 1990 hingga 1999. Beliau juga telah dilantik sebagai ahli Lembaga Hakim Pelawat Penjara Miri dari 2003 hingga 2004 dan anggota Tribunal oleh

Pendaftar Koperasi dari 2003 hingga 2004. Beliau merupakan Ahli Lembaga SMK Chung Hua, Miri sejak 2000 dan sebagai Pengurusan Setiausaha Lembaga SJK (C) Chung Hua Tudan, Miri sejak 2004. Beliau berkhidmat sebagai Pengurus Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB) Kawasan Parlimen Miri, Pengurus Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MAYANG) bagi Kawasan Parlimen Miri dari November 2014 hingga Jun 2015 dan Pengurus Pertubuhan Implan Koklea Sarawak.

Dato' Sebastian Ting telah berperanan sebagai penasihat undang-undang bagi beberapa organisasi dan jawatankuasa. Beliau juga telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan kepimpinan kelab dan persatuan.

Dato' Dr. Tan Yew Chong

Anggota (Bermula 1 April 2016)

Dato' Dr. Tan Yew Chong dilantik sebagai anggota Suruhjaya pada April 1, 2016.

Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pengurusan) di Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dari 15 Mac 2016 dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 19 tahun.

Dato' Dr. Tan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Psikologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia dan Doktor Falsafah dalam Pengurusan Perniagaan dari Monash University, Australia. Beliau juga mempunyai Diploma dalam Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam, Malaysia.

Dato' Dr. Tan memulakan kerjayanya pada tahun 1995 di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Setelah tamat kursus diploma, beliau menyertai semula Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Dasar dan Pembangunan pada tahun 1997. Pada tahun 1999, beliau menyertai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai Penolong Pengarah Bahagian Dasar Industri dan kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri. Dato' Dr. Tan dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Pengarah di Kementerian Dalam Negeri pada Disember 2003. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dari tahun 2004 hingga 2007.

Dato' Dr. Tan memegang jawatan sebagai Pengarah sektor Lebuh raya, Rel dan Perkhidmatan Bandar di Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri pada Januari 2011, beralih sebagai Setiausaha Bahagian di Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada April 2013. Beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan II) di Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri pada September 2013 hingga Ogos 2015.



Matlamat Dasar Kebangsaan Bagi Industri Perkhidmatan Air

Matlamat dasar kebangsaan bagi industri perkhidmatan air adalah:


Mewujudkan	suatu struktur perkhidmatan bekalan air dan pembetungan yang telus dan bersepadu untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkesan dan cekap kepada pengguna;
Memastikan	bekalan air yang tersedia ada dan berkekalan untuk jangka masa panjang termasuk pemuliharaan air;
Menyumbang	kepada kekekalan alur air dan kawasan tadahan air;
Memudahkan	kemajuan persaingan untuk menggalakkan ekonomi dan kecekapan dalam industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan;
Menubuhkan	suatu persekitaran pengawalseliaan yang memudahkan kekekalan keupayaan kewangan antara pengendali industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan bagi jangka masa panjang;
Mengawal	selia untuk faedah pengguna bagi jangka masa panjang;
Mengawal	selia tarif dan memastikan penyediaan perkhidmatan yang berpatutan atas dasar kesaksamaan;
Meningkatkan	kualiti hidup dan persekitaran melalui pengurusan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan yang berkesan dan cekap;
Menubuhkan	suatu sistem kebertanggungjawaban dan pengelolaan antara pengendali industri perkhidmatan bekalan air dan pembetungan; dan
Mengawal	selia keadaan selamat dan keselamatan sistem bekalan air dan sistem pembetungan.

Peranan Suruhanjaya

SPAN adalah sebuah badan kawal selia teknikal dan ekonomi yang berperanan untuk menyelia dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

SPAN mengawal selia kesemua entiti dalam industri bekalan air dan pembetungan termasuk operator perkhidmatan bekalan air dan pembetungan awam, operator perkhidmatan bekalan air dan pembetungan persendirian, kontraktor bekalan air dan pembetungan, pemegang permit dan kelulusan produk bagi bekalan air dan pembetungan.

SPAN mengawal selia industri perkhidmatan air berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.



Carta 1: Entiti yang Dikawal Selia oleh SPAN

Fungsi-Fungsi Suruhanjaya

Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) memperuntukkan fungsi Suruhanjaya seperti yang berikut:

- A** **menasihati** Menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan melaksanakan dan memajukan objektif dasar kebangsaan itu;
- B** **melaksanakan** dan menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan menimbalangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan;
- C** **memastikan** daya pengeluaran industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan dan memantau pengendali mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan, obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;
- D** **menambah** usaha bersepada ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan Air Tidak Terhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;
- E** **menasihati** Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan alat yang sesuai;
- F** **memastikan** matlamat pembangunan Negara berkenaan dengan liputan, pembekalan dan akses kepada perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan tercapai;
- G** **memastikan** pengekalan kualiti air dan perkhidmatan pembetungan secara jangka panjang melalui pembangunan modal kerja yang berterusan;
- H** **merumuskan** dan melaksanakan rancangan supaya semua permintaan yang munasabah bagi perkhidmatan pembetungan dipenuhi dan melalui perundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, menyediakan suatu rancangan tадahan pembetungan yang merumuskan dasar dan cadangan am berkenaan dengan pembangunan apa-apa sistem pembetungan yang baru dan langkah-langkah bagi pembaikan mana-mana sistem pembetungan yang sedia ada;
- I** **menjalankan** apa-apa fungsi yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan
- J** **menasihati** Menteri secara amnya mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Suruhanjaya

Suruhanjaya telah menubuhkan sembilan (9) jawatankuasa menurut Seksyen 13 (Akta 654) untuk membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsi-fungsinya.

i) **Jawatankuasa Perkhidmatan dan Perjawatan**

- Dato' Ismail bin Kasim
- Prof. Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Tan Sri Dato' Ir. Syed Muhammad Shahabudin
- Ketua Pegawai Eksekutif SPAN

ii) **Jawatankuasa Audit**

- Encik Dzulkifli bin Ahmad
- Dato' Ir. Sonny Cheah Lai Shin
- Datuk Roger Tan Kor Mee
- Ketua Pegawai Eksekutif SPAN

iii) **Jawatankuasa Kewangan**

- Dato' Zulkifly bin Rafique
- Encik Dzulkifli bin Ahmad
- Datuk Dr. Tan Yew Chong
- Prof. Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Ketua Pegawai Eksekutif SPAN
- Ketua Pegawai Operasi SPAN

iv) **Jawatankuasa Urusan Perundangan**

- Datuk Roger Tan Kor Mee
- Dato' Ir. Sonny Cheah Lai Shin
- Tan Sri Dato' Ir. Syed Muhammad Shahabudin
- Dato' Ir. Lim Chow Hock
- Ketua Pegawai Eksekutif SPAN

v) **Jawatankuasa Sistem, Produk, Bahan serta Penyelidikan dan Pembangunan**

- Tan Sri Dato' Ir. Syed Muhammad Shahabudin
- Datuk Dr. Bernard S. Maraat
- Dato' Ir. Lim Chow Hock
- Ketua Pegawai Eksekutif SPAN
- Ketua Pegawai Operasi SPAN
- Prof. Dato' Ir. Dr. Zaini bin Ujang
- Wakil Unit Mekanikal & Kejuruteraan, Jabatan Kerja Raya
- Wakil Unit Jambatan & Struktur, Jabatan Kerja Raya
- Wakil Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- Wakil Jabatan Standards Malaysia

vi) Jawatankuasa Pendidikan dan Perlindungan Pengguna

- Prof. Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Encik Dzulkifli bin Ahmad
- Datuk Dr. Bernard S. Maraat
- Ketua Pegawai Eksekutif SPAN
- Wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
- Wakil BERNAMA

vii) Jawatankuasa Kumpulan Wang Pembetungan Sumbangan Modal

- Dato' Zulkifly bin Rafique
- Dato' Ir. Sonny Cheah Lai Shin
- Dato' Dr. Tan Yew Chong
- Datuk Dr. Bernard S. Maraat
- Dato' Ir. Lim Chow Hock
- Ketua Pegawai Eksekutif SPAN
- Ketua Pegawai Operasi SPAN
- Wakil Kementerian Kerja Raya
- Wakil REHDA

viii) Jawatankuasa Pelesenan

- Dato' Ir. Sonny Cheah Lai Shin
- Tan Sri Dato' Ir. Syed Muhammad Shahabudin
- Datuk Roger Tan Kor Mee
- Datuk Dr. Bernard S. Maraat
- Dato' Ir. Lim Chow Hock
- Ketua Pegawai Eksekutif SPAN
- Ketua Pegawai Operasi SPAN
- Wakil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Wakil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

ix) Jawatankuasa Teknikal


- Dato' Ir. Lim Chow Hock
- Tan Sri Dato' Ir. Syed Muhammad Shahabudin
- Datuk Dr. Bernard S. Maraat
- Ketua Pegawai Eksekutif SPAN
- Ketua Pegawai Operasi SPAN
- Wakil Persatuan Air Malaysia
- Wakil Institusi Jurutera Malaysia
- Wakil Jabatan Alam Sekitar

Mesyuarat Suruhanjaya

Pada tahun 2016, sebanyak tujuh (7) mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan seperti yang ditunjukkan di Jadual 1:

Mesyuarat Suruhanjaya	Tarikh
Bil. 1/2016	22 Januari 2016
Bil. 2/2016	07 Mac 2016
Bil. 3/2016	15 April 2016
Bil. 4/2016	14 Jun 2016
Bil. 5/2016	08 Ogos 2016
Bil. 6/2016	29 September 2016
Bil. 7/2016	07 Disember 2016

Jadual 1: Mesyuarat SPAN pada tahun 2016



Pengurusan





- 1. Dato' Mohd Ridhuan bin Ismail**
- 2. Leow Peen Fong**
- 3. Marzuki bin Mohammad**
- 4. Ir. Mohd Shukri bin Abdul Razik**
- 5. Chow Kin Liung**
- 6. Ir. Muhamad Sobri bin Zakaria**
- 7. Zarina binti Sulaiman**
- 8. Hajah Hayatunnisah binti Sulaiman**
- 9. Norhisham bin Sahlan**

Struktur Organisasi

Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan keseluruhan serta urusan hal-ehwal harian Suruhanjaya yang merangkumi tiga (3) jabatan utama, empat belas (14) bahagian dan tujuh (7) unit sokongan.


Ketiga-tiga jabatan ini bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi teras Suruhanjaya iaitu kawal selia perkhidmatan air, kawalselia perkhidmatan pembetungan serta kawal selia ekonomi.

SPAN juga mempunyai empat (4) pejabat wilayah bagi membantu Suruhanjaya dalam fungsi-fungsinya. Pejabat-pejabat Wilayah ini terletak di Seberang Prai bagi Wilayah Utara, Cyberjaya bagi Wilayah Tengah, Johor Bahru untuk Wilayah Selatan dan Kuala Terengganu untuk Wilayah Timur. Tiga (3) pejabat cawangan juga diwujudkan di Ipoh, Kuantan dan Melaka bagi membantu menjalankan fungsi yang dilaksanakan oleh Pejabat Wilayah Utara, Timur dan Selatan. Jadual 2 menunjukkan kawasan-kawasan pentadbiran pejabat-pejabat wilayah serta cawangan SPAN:

Pejabat Wilayah	Negeri/Wilayah Persekutuan
Wilayah Utara	Perlis, Kedah dan Pulau Pinang
Wilayah Tengah	Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
Wilayah Timur	Kelantan dan Terengganu
Wilayah Selatan	Johor, Melaka dan Negeri Sembilan
Cawangan Ipoh (Utara)	Perak
Cawangan Kuantan (Timur)	Pahang
Cawangan Melaka (Selatan)	Melaka

Jadual 2: Pejabat Wilayah dan Cawangan SPAN

Carta Organisasi



Fungsi Jabatan-Jabatan Dan Perkhidmatan Sokongan Di Bawah SPAN

Jabatan Kawal Selia Air

- menetap dan mengawal selia standard kualiti dan pematuhan teknikal berkaitan bekalan air;
- merancang sumber air dan perkhidmatan kejuruteraan air;
- membangunkan standard teknikal berkaitan air;
- menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk pemegang lesen;
- melantik dan memantau Agensi-agensi Perakuan;
- memproses, melantik dan mendaftar Orang Yang Berkelayakan (*Qualified Person*);
- meluluskan sistem, bahan dan produk bekalan air;
- menyelaras perancangan pengurusan dan penggantian aset;
- mengurus Kumpulan Wang Industri Air;
- menyelaras pematuhan pelan alam sekitar dan pelaksanaan pelan tindakan kecemasan;
- mengawal selia dan menyelaras fungsi operator bekalan air;
- menyelaras dan memantau penyediaan perkhidmatan bekalan air di kawasan luar bandar.
- memantau prestasi pencapaian pematuhan kualiti air terawat untuk semua operator air di bawah kawal selia SPAN; dan
- melaksanakan audit teknikal kualiti air ke loji-loji yang bermasalah dan melanggar had piawaian parameter utama dalam Program Jaminan Kualiti (*Quality Assurance Programme-QAP*).

Jabatan Kawal Selia Pembetungan

- menetap dan mengawal selia standard kualiti dan pematuhan teknikal berkaitan pembetungan;
- merancang kawasan tadahan pembetungan;
- membangunkan standard teknikal berkaitan pembetungan;
- menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk pemegang lesen;
- melantik dan memantau Agensi-agensi Perakuan;
- meluluskan sistem, bahan dan produk pembetungan;
- menguruskan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan;
- menyelaras pelaksanaan pelan pengurusan alam sekitar dan pelan tindakan kecemasan;
- menyelaras fungsi dan mengawal selia operator perkhidmatan pembetungan;
- memantau dan menyelaras perkhidmatan pembetungan di kawasan luar bandar.

Jabatan Kawal Selia Ekonomi

- menganalisa cadangan rancangan perniagaan oleh pemegang lesen individu;
- menyemak dan mengesyorkan tarif;
- memproses, mengesyorkan dan meluluskan permohonan lesen dan permit;
- menetapkan terma dan prinsip pembiayaan dan pembiayaan semula;
- menyiasat ketidakpatuhan dan menguatkuasakan peruntukan Akta 655.

Jabatan Migrasi

- membantu dalam penstrukturkan semula industri air

Bahagian Pembangunan Industri

- menggalakkan inovasi produk dan teknologi baru;
 - menyelaras aktiviti penyelidikan dan pembangunan.
-

Bahagian Undang-Undang

- memberi khidmat nasihat undang-undang;
 - menggubal perundangan subsidiari;
 - menyemak kontrak dan perjanjian.
-

Bahagian Pengurusan Korporat

- mengurus kewangan, komunikasi korporat & hal ehwal pengguna dan modal insan;
 - merancang sumber manusia dan pengambilan kakitangan;
 - melatih dan membangunkan modal insan;
 - menetapkan dan menguruskan gaji dan faedah serta menyelia kebajikan pekerja;
 - menyedia dan mengedar kenyataan media dan menyelaras maklum balas terhadap permintaan media serta memantau persidangan media dan temu bual;
 - menyelaras dan mengurus penerbitan bercetak buletin, laporan tahunan, risalah dan poster yang ditujukan untuk orang awam dan operator;
 - menyelaras dan mengurus aktiviti-aktiviti dan program-program yang berkaitan pihak dalaman atau luaran;
 - menyelaraskan penyelesaian aduan pengguna;
 - menetapkan standard pengguna dan memantau Forum Air Malaysia.
-

Bahagian IT, Data dan Pentadbiran

- memperoleh dan mengurus aset dan perkhidmatan;
 - mengurus maklumat dan data;
 - menerbitkan laporan tahunan industri dan mengumpul data strategik.
-

Bahagian Pengauditan Industri Air


- mengenal pasti aktiviti yang berimpak tinggi yang menjelaskan prestasi industri perkhidmatan air;
 - melaksanakan audit tematik ke atas pemegang lesen individu atau yang diberi kuasa mengikut tema dan skop tertentu;
 - memantau tindakan susulan ke atas auditee untuk mendapatkan maklum balas ke atas penemuan audit berdasarkan laporan penuh audit tematik.
-

Bahagian Audit Dalaman & Integriti

- memastikan kawalan dalaman;
 - memastikan kepatuhan prosedur kewangan.
-

Setiausaha Suruhanjaya

- menyelaras dan menguruskan mesyuarat Suruhanjaya.
-



Laporan Suruhanjaya



Laporan Suruhanjaya

(A) Kemajuan Penstruktur Semula

(i) Migrasi ke model aset ringan

Kerajaan Persekutuan telah menetapkan hala tuju bagi polisi penstruktur semula berdasarkan model aset ringan di mana operator akan memindahkan aset air yang terbeban dan liabiliti yang berkaitan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) yang kemudiannya akan memajakkan aset-aset berkenaan kepada operator-operator pada kadar yang berpatutan untuk pengoperasian dan penyenggaraan. Kerajaan Persekutuan juga telah membentarkan operator-operator yang lebih efisien dan berdaya maju daripada segi kewangan untuk beroperasi secara separa aset ringan dan operator-operator ini dijangka dapat mencapai pemulihian kos sepenuhnya lebih awal daripada operator-operator lain. Model pembiayaan ini telah direka untuk membantu operator-operator perkhidmatan air dengan memfokuskan kepada operasi-operasi yang akan meningkatkan keupayaan dan mencapai keberkesanan kos apabila CAPEX akan dibiayai oleh PAAB pada kadar pembiayaan yang kompetitif.

Pada tahun 2016, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah memuktamadkan rundingan bagi penstruktur semula perkhidmatan air di Kelantan. Air Kelantan Sdn Bhd dan Pengurusan Aset Air Berhad telah menandatangani perjanjian kemudahan dan pajakan pada 14 September 2016.

Setakat Disember 2016, Negeri-negeri yang telah memuktamadkan penstruktur semula adalah Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Lembaga Air Perak dan Perbadanan Bekalan Pulau Pinang adalah operator separa aset ringan dan kedua-duanya memegang lesen kemudahan dan perkhidmatan.

Sepuluh (10) daripada dua belas negeri telah berhijrah ke rejim pelesenan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Manakala, penstruktur semula perkhidmatan bekalan air bagi Selangor, Pahang, Terengganu, Kedah, dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan masih dalam rundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masing-masing.

(ii) Penghijrahan ke Rejim Pelesenan

(a) Lesen Individu

Seksyen 4 Akta 655 memperuntukkan bahawa operator-operator atau pemilik-pemilik sistem bekalan air awam dan sistem pembetungan awam hendaklah mendapatkan suatu lesen individu. Sejak pengenalan Akta 655, lesen (tidak termasuk pembaharuan) yang telah dikeluarkan adalah seperti yang berikut:

Jenis Lesen	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Jumlah
Kemudahan	1	0	1	1	0	0	0	1	4
Perkhidmatan	3	3	3	5	1	1	0	3	19
JUMLAH	4	3	4	6	1	1	0	4	23

Jadual 3: Jumlah Lesen Kemudahan dan Perkhidmatan yang dikeluarkan antara tahun 2009 – 2016

Pada tahun 2016, satu (1) lesen kemudahan dan tiga (3) lesen perkhidmatan telah dikeluarkan seperti yang berikut:

Bil.	Pemegang Lesen	Negeri atau Kawasan	Jenis Lesen	Skop Lesen	Tempoh Lesen
1	Syarikat Air Perlis Sdn Bhd	Perlis	Perkhidmatan	Menjalankan, memberikan dan menyediakan perkhidmatan bekalan air	1 Januari 2016 – 31 Disember 2018
2	Majaari Services Sdn Bhd	Kelantan	Perkhidmatan	Menyediakan perkhidmatan pembetungan	1 Julai 2016 – 30 Jun 2019
3	Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	Selangor / Loji Rawatan Air Sungai Sireh	Perkhidmatan	Menjalankan operasi dan penyenggaraan Loji Rawatan Air Sungai Sireh	1 Julai 2016 – 30 Jun 2019
4	Teknologi Tenaga Perlis Konsortium Sdn Bhd	Perlis / Loji Rawatan Air Sungai Baru	Kemudahan	Memiliki suatu sistem bekalan air awam atau sebahagian daripada sistem	1 September 2016 – 31 Ogos 2019

Jadual 4: Lesen Individu yang dikeluarkan pada tahun 2016


Setakat 31 Disember 2016, berikut adalah operator-operator air yang telah mendapat kelulusan bagi pembaharuan lesen:

Bil.	Pemegang Lesen	Negeri atau Kawasan	Jenis Lesen	Skop Lesen	Tempoh Lesen
1	Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd	Terengganu	Perkhidmatan	(Pembaharuan Kali Kedua) Menjalankan, memberikan dan menyediakan perkhidmatan bekalan air	1 Januari 2017 – 31 Disember 2019
2	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang	Pulau Pinang	Kemudahan (Pembaharuan Kali Kedua)	Memiliki suatu sistem bekalan air awam atau sebahagian daripada sistem	1 Januari 2017 – 31 Disember 2019
			Perkhidmatan (Pembaharuan Kali Kedua)	Menjalankan, memberikan dan menyediakan perkhidmatan bekalan air	


Jadual 5: Lesen Individu yang diperbaharui setakat Individual 31 Disember 2016

(b) Lesen Kelas

Seksyen 20 Akta 655 memperuntukkan pemilik sistem bekalan air persendirian atau sistem pembentungan persendirian memegang suatu Lesen Kelas (Kemudahan). Carta 3 menunjukkan bilangan Lesen Kelas (Kemudahan) yang telah diluluskan antara tahun 2013 dan 2016. Pada tahun 2016, bilangan Lesen Kelas (Kemudahan) yang telah diluluskan bagi sistem bekalan air persendirian dan sistem pembentungan persendirian telah meningkat secara ketara daripada 184 kepada 333.



Carta 3: Lesen Kelas (Kemudahan) yang telah diluluskan dari tahun 2013 – 2016



Carta 4: Lesen Kelas (Perkhidmatan) yang telah diluluskan dari tahun 2013 – 2016

(c) Pemberikuasaan untuk Beroperasi bawah Akta 655

Pemberikuasaan untuk beroperasi telah diperuntukkan di bawah seksyen 188, 189, 190, 191 dan 192 Akta 655. Pada tahun 2016, pemberikuasaan telah diberikan kepada operator-operator yang belum memiliki lesen bagi membolehkan Kerajaan Negeri yang berkenaan menyempurnakan proses pengkorporatan jabatan bekalan air, lembaga air atau pihak berkuasa air mereka dan memuktamadkan rundingan-rundingan bagi kontrak-kontrak sedia ada dengan operator swasta. Pemberikuasaan diberikan seksyen 188, 189 dan 191 seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Bil.	Kategori	Perkhidmatan Bekalan Air	Perkhidmatan Pembetungan	Jumlah	Operator
1	Pemberikuasaan kepada agensi/jabatan/lembaga air/pihak berkuasa air bawah seksyen 188	2	Tiada	2	i. Jabatan Bekalan Air (JBA) Wilayah Persekutuan Labuan ii. UPEN Negeri Selangor
2	Pemberikuasaan kepada pihak berkuasa tempatan bagi perkhidmatan pembetungan bawah 189	Tiada	4	4	i. Majlis Bandaraya Johor Bahru ii. Majlis Perbandaran Pasir Gudang iii. Lembaga Bandaran Johor Tenggara iv. Majlis Bandaraya Kota Bharu Bandar Raya Islam
3	Pemberikuasaan kepada pemegang konsesi bawah seksyen 191	4	1	5	i. Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ii. Puncak Niaga (M) Sdn Bhd iii. Konsortium Abass Sdn Bhd iv. Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd v. Indah Water Konsortium Sdn Bhd

Jadual 6: Pemberikuasaan di bawah seksyen 188, 189 dan 191 setakat 31 Disember 2016

Operator-operator yang memilih untuk diberi kuasa di bawah subseksyen 192(5) iaitu untuk beroperasi di bawah konsesi sedia ada sehingga tamat tempoh konsesi masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Bil.	Kategori	Perkhidmatan Bekalan Air	Jumlah	Operator	Tempoh Konsesi
1	Pemberikuasaan kepada pemegang konsesi bawah subseksyen 192 (5)	3	3	i. Air Utara Indah Sdn Bhd ii. Taliworks (Langkawi) Sdn Bhd iii. Metropolitan Utilities Corporation Sdn Bhd	i. 1 Julai 2012 – 1 Ogos 2020 ii. 1 Februari 2013 – 31 Oktober 2020 iii. 16 Julai 2014 – 31 Mac 2024

Jadual 7: Pemberikuasaan di bawah subseksyen 192(5) setakat 31 Disember 2016

(d) Permit

Seksyen 50 Akta 655 memperuntukkan bahawa seseorang yang bercadang untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan sistem bekalan air dan sistem pembetungan dikehendaki memiliki permit yang relevan daripada SPAN seperti jadual di bawah:

Jenis Permit	Deskripsi Permit
A1	Menjalankan apa-apa pembinaan, penyambungan, pengubahsuaian atau pumbaikan paip air dan kelengkapan air yang membawa atau akan membawa air daripada sesalur awam utama.
A2	Menjalankan apa-apa pembinaan, penyambungan, pengubahsuaian atau pumbaikan paip air dan kelengkapan air yang membawa atau akan membawa air daripada sesalur utama awam yang ditetapkan di bawah Jenis A1 di atas dan paip komunikasi.
B	Menjalankan apa-apa kerja yang perlu untuk menyambungkan paip sambungan persendirian ke pembetung atau tempat rawatan kumbahan.
C1	Bagi mengemukakan tender dan/atau mengusahakan satu projek atau kerja melebihi RM10,000,000 untuk menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pembetungan.
C2	Bagi mengemukakan tender dan/atau mengusahakan satu projek atau kerja melebihi RM2,000,000 tetapi tidak melebihi RM10,000,000 untuk menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian sistem bekalan air atau sistem pembetungan.
C3	Bagi mengemukakan tender dan/atau mengusahakan satu projek atau kerja melebihi RM200,000 tetapi tidak melebihi RM2,000,000 untuk menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian sistem bekalan air atau sistem pembetungan.
C4	Bagi mengemukakan tender dan/atau mengusahakan satu projek atau kerja tidak melebihi RM200,000 untuk menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian sistem bekalan air atau sistem pembetungan.
D	Merujuk kepada perkhidmatan penyenggaraan satu sistem bekalan air atau sistem pembetungan tetapi tidak melibatkan operasi sistem itu.
E	Untuk mengusahakan, menyediakan atau mengadakan perkhidmatan nyah enap cemar pembetungan.

Jadual 8: Jenis-jenis Permit

Tujuan permit dikeluarkan adalah untuk memastikan agar kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor-kontraktor dan tukang-tukang paip yang layak yang memenuhi kualiti dan standard yang ditetapkan. Jadual di bawah menunjukkan jumlah permit baru dan pembaharuan permit pada tahun 2016.

Jenis Permit	Permit yang dikeluarkan		Jumlah
	Baharu	Pembaharuan	
A1	315	606	921
A2	167	1,256	1,423
B	95	128	223
C1-Bekalan Air	167	225	392
C1 – Pembetungan	106	218	324
C2 – Bekalan Air	192	242	434
C2 – Pembetungan	76	95	171
C3 – Bekalan Air	522	490	1012
C3 – Pembetungan	216	287	503
C4 – Bekalan Air	662	527	1189
C4 – Pembetungan	135	126	261
D – Bekalan Air	453	569	1022
D – Pembetungan	451	662	1113
E	33	34	67
Jumlah	3,590	5,465	9,055

Jadual 9: Jumlah Permit yang dikeluarkan pada tahun 2016

(B) Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Baharu

(i) Akta, Kaedah-Kaedah, Peraturan-Peraturan dan Notis yang telah didrafkan pada tahun 2016

(a) Cadangan Pindaan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 654]

Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 654] telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2007. Akta 654 memperuntukkan peruntukan-peruntukan berkaitan penubuhan, kuasa dan fungsi Suruhanjaya.

Salah satu objektif cadangan pindaan Akta 654 ialah untuk mempertingkatkan kuasa Suruhanjaya dan untuk memastikan agar Suruhanjaya dapat melaksanakan dan menjalankan fungsinya dengan berkesan.

(b) Cadangan Pindaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655]

Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2008. Selama 9 tahun Akta ini dikuatkuasakan, terdapat beberapa kelemahan daripada segi perlaksanaan dan penguatkuasaan disebabkan peruntukan-peruntukan yang kabur, kelemahan dalam peruntukan-peruntukan sedia ada dan terdapat keperluan mendesak bagi pertukaran polisi.

Lantaran itu, keutamaan cadangan pindaan terhadap Akta 655 ini adalah untuk menyelesaikan kelemahan dan laka dalam peruntukan-peruntukan sedia ada bagi memastikan perlaksanaan dan penguatkuasaan Akta 655 dijalankan dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

Cadangan pindaan terhadap Akta 655 ini telah dimulakan pada tahun 2010 dan beberapa siri konsultasi dan mesyuarat telah diadakan dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (“KeTTHA”), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (“SPAN”), operator-operator air dan pembetungan bagi membincangkan cadangan-cadangan pindaan.

Keutamaan cadangan pindaan ini adalah untuk mempertingkatkan peruntukan-peruntukan dalam Akta 655 yang sedia ada dan menyasarkan untuk memudahkan operator-operator air dan pembetungan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, memudahkan penguatkuasaan Akta, melindungi hak-hak pengguna dengan menjelaskan tanggungjawab pengguna dengan jelas dalam Akta 655.

Cadangan pindaan terhadap Akta 655 ini telah dibincangkan dengan teliti di antara KeTTHA, SPAN dan semua pihak berkepentingan (operator-operator air, operator-operator pembetungan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), dan pihak-pihak yang berkaitan. Siri-siri mesyuarat, perbincangan dan seranta awam telah diadakan dalam membantu pihak-pihak berkepentingan untuk lebih memahami cadangan pindaan Akta 655. Ini adalah bertepatan dengan polisi bagi mempromosikan proses kawal selia yang lebih baik. Perlaksanaan proses seranta awam meningkatkan kepercayaan pihak berkepentingan dalam pembangunan pengawalseliaan.

Regulatory Impact Analysis (“RIA”) merupakan ciri utama amalan kawal selia yang baik. Ia melibatkan proses mengkaji kemungkinan kesan perlaksanaan cadangan peraturan dan ruang lingkup pilihan lain yang boleh memenuhi objektif polisi Kerajaan.

Bengkel bagi *Regulatory Impact Analysis* (RIA) telah diadakan pada 10 dan 11 Januari 2017 dan penceramah daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia telah dijemput untuk membantu KeTTHA, SPAN, dan juga pihak-pihak kepentingan dalam memahami secara mendalam mengenai RIA dan bagaimana RIA boleh digunakan dalam penambahbaikan pembuatan polisi.

(c) Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Pembekal dan Produk) 2016

Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Pembekal dan Produk) 2016 telah didrafkan berdasarkan peruntukan seksyen 180(m), Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang memberikan kuasa kepada SPAN untuk membuat kaedah-kaedah berkaitan dengan penstandardan produk-produk serta pendaftaran pembekal-pembekal dan produk-produk berkaitan sistem bekalan air dan sistem pembetungan.

Kaedah-Kaedah ini akan memperuntukkan keperluan-keperluan dan prosedur bagi pendaftaran orang dan produk-produk serta perkara-perkara yang berkaitan dengan pembekalan produk yang standard yang akan digunakan dalam sistem bekalan air dan sistem pembetungan.

Tujuan kaedah-kaedah ini didrafkan adalah untuk mengawal selia bekalan dan penggunaan produk yang standard dalam sistem bekalan air dan sistem pembetungan serta untuk memastikan pematuhan semua pihak kerana sebarang penggunaan secara tidak sah atau pembekalan produk yang tidak standard adalah dianggap sebagai kesalahan seperti yang diperuntukkan bawah seksyen 129, Akta 655.

(d) Notis Sekatan Penggunaan Air Semasa Kecemasan

Notis ini dibuat berdasarkan peruntukan seksyen 56, Akta 655 yang memberikan kuasa kepada Menteri untuk menyekat penggunaan air semasa kecemasan. Menteri boleh mengenakan had ke atas kuantiti air yang digunakan, surc妖 berkenaan dengan penggunaan air melebihi had yang dikenakan atau apa-apa syarat lain yang difikirkan perlu oleh Menteri.

Notis ini juga memperuntukkan kesalahan bagi ketidakpatuhan notis sekatan penggunaan air semasa kecemasan seperti yang diperuntukkan dalam jadual.

(C) Perkhidmatan Bekalan Air

(i) Liputan

Secara keseluruhannya, liputan perkhidmatan bekalan air bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan pada tahun 2016 adalah 96.3% dengan liputan di bandar kekal seperti tahun lepas dan liputan di luar bandar meningkat sebanyak 0.1% kepada 95.8%. Kebanyakan negeri telah merekodkan capaian bagi perkhidmatan bekalan air melebihi 95% pada tahun 2016 kecuali di Kelantan iaitu data merekodkan peratusan penduduk yang mendapat bekalan air dan bukan capaian perkhidmatan bekalan air. Capaian bagi perkhidmatan bekalan air awam adalah tinggi di Kelantan tetapi terdapat sesetengah isi rumah yang memilih menggunakan sumber air alternatif.

Negeri	2015			2016		
	Bandar %	Luar % Bandar	Jumlah	Bandar %	Luar % Bandar	Jumlah
Johor	100	99.5	99.8	100	99.5	99.8
Kedah	100	96.5	98.3	100	96.5	98.3
Kelantan	61.5	66.4	64.0	61.7	67.7	64.7
FT Labuan	100	100	100	100	100	100
Melaka	100	100	100	100	100	100
Negeri Sembilan	100	99.8	99.9	100	99.8	99.9
Pulau Pinang	100	99.7	99.9	100	99.8	99.9
Pahang	100	96.0	98.0	100	96.0	98.0
Perak	100	99.2	99.6	100	99.2	99.6
Perlis	100	99.0	99.5	100	99.0	99.5
Selangor	100	99.5	99.8	100	99.5	99.8
Terengganu	99.1	92.9	96.0	99.1	92.9	96.0
Jumlah	96.7	95.7	96.2	96.7	95.8	96.3

Jadual 10: Liputan Bekalan Air bagi Tahun 2015 – 2016

(ii) Sumber Air Mentah

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11, air permukaan kekal sebagai sumber air mentah utama bagi negara ini dan kebanyakan sumber air permukaan yang diekstrak adalah daripada sungai-sungai, anak-anak sungai dan tasik-tasik. Walau bagaimanapun, bagi sesetengah kawasan, kebergantungan terhadap sungai adalah rendah terutamanya semasa musim kering. Justeru, air daripada empangan-empangan digunakan untuk bekalan secara terus atau untuk mengawal aliran apabila aras air adalah rendah.

Sumber	2015		2016	
	Isi padu (jld)	Peratusan %	Isi padu (jld)	Peratusan %
Air Permukaan	11,847	82.3	12,389	81.5
Empangan	2,322	16.1	2,588	17.0
Air Bawah Tanah	222	1.5	224	1.5
Jumlah	14,391	100	15,201	100

Jadual 11: Sumber Air Mentah 2015 – 2016

(iii) Pengeluaran Loji Rawatan Air (LRA), Kapasiti dan Rizab Margin

Keseluruhan rizab margin yang ditunjukkan dalam Jadual 12 telah berkurangan sebanyak 1.2% kepada 13.0% pada tahun 2016 walaupun terdapat penambahan kapasiti reka bentuk sebanyak 1.0% (atau 156 jlh).

Item	Unit	2015	2016	Perbezaan
Bil. Loji Rawatan yang Beroperasi	Bil	334	334	+0 LRA
Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan	jlh	15,922	16,078	+156 jlh @ +1.0%
Pengeluaran	jlh	13,662	13,987	+325 jlh @ +2.4%
Rizab Margin	%	14.2	13.0	-1.2
Pengeluaran Iwn. Air Mentah (Kerugian Loji)	%	5.1	8.0	+2.9

Jadual 12: Pengeluaran LRA, Kapasiti dan Rizab Margin Tahun 2015 – 2016

(iv) Air Tidak Berhasil (NRW)

NRW telah ditetapkan sebagai salah satu KPI bagi operator air dan SPAN telah memantau tahap NRW dengan teliti melalui mesyuarat kawal selia setiap enam bulan dan audit rutin. NRW bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan bagi tahun 2016 adalah 33.6%, iaitu penurunan kecil sebanyak 0.3% berbanding tahun 2015 tetapi masih kurang sebanyak 2.8% daripada sasaran tahun 2016 iaitu 30.8%. Secara keseluruhannya, prestasi NRW adalah tidak memuaskan kerana pengurangan NRW dari tahun 2008 ke 2016 hanya sebanyak 2.6%.

Negeri	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Seluruh Negara	36.9	36.3	36.4	36.7	36.4	36.6	35.6	35.5	35.2
Semenanjung Malaysia dan WP Labuan	36.2	36.6	35.4	36.1	35.9	35.7	34.5	33.9	33.6

Jadual 13: Air Tidak Berhasil 2008 – 2016

Pada tahun 2016, purata tahap NRW bagi setiap negeri adalah di antara 19.0% yang dicatatkan oleh Melaka (paling rendah) dan 60.7% yang dicatatkan oleh Perlis (tertinggi). Jadual 14 menunjukkan pencapaian NRW bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia dan Labuan.

Negeri	NRW%		Peningkatan atau (Penurunan) (%)
	2015	2016	
Johor	25.6	25.9	0.3
Kedah	46.7	46.7	0
Kelantan	49.0	49.4	0.4
FT Labuan	30.9	30.5	(0.4)
Melaka	19.3	19.0	(0.3)
Negeri Sembilan	34.8	32.7	(2.1)
Pulau Pinang	19.9	21.5	1.6
Pahang	52.8	47.9	(5.0)
Perak	30.3	30.5	0.1
Perlis	56.3	60.7	4.4
Selangor	32.0	32.2	0.2
Terengganu	31.0	30.0	(1.0)
Jumlah	33.9	33.6	(0.3)

Jadual 14: Tahap NRW pada tahun 2016 bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan

(v) Kualiti Air Terawat

Pada tahun 2016, keseluruhan pencapaian kualiti air terawat bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun 2015.

Parameter	2015		2016	
	% Sasaran QAP	% Pematuhan	% Sasaran QAP	% Pematuhan
E. Coli	99.65	99.80	99.65	99.95
Baki Klorin	98.15	98.95	98.15	99.18
Gabungan Baki Klorin & E. Coli	99.90	99.95	99.90	99.98
Kekeruhan	98.00	98.35	98.00	98.67
Aluminium	89.80	90.77	89.80	91.37

Jadual 15: Pencapaian QAP dan Purata Pematuhan Kualiti Air bagi 2015 – 2016

(D) Perkhidmatan Pembetungan

(i) Kemudahan Perkhidmatan Pembetungan

Kemudahan sistem pembetungan di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan terdiri daripada loji rawatan kumbahan awam dan persendirian (LRK), tangki septik komunal (CST), tangki septik individu (IST) dan sistem tradisional seperti tandas (PF). Bilangan kemudahan dan penduduk setara bagi setiap jenis sistem adalah seperti dalam Jadual 16.

Sistem Pembetungan	2015		2016	
	Kuantiti	Penduduk Setara (PE)	Kuantiti	Penduduk Setara (PE)
Perkhidmatan Bersambung				
Loji Rawatan Kumbahan Awam	6,571	23,517,185	6,752	24,789,450
a. Loji Rawatan Kumbahan Awam	6,481	16,296,052	6,659	16,964,923
b. Loji Serantau Awam	90	7,221,133	93	7,824,527
Loji Rawatan Kumbahan Persendirian	3,158	2,795,877	3,338	3,009,095
Tangki Septik dan Tandas Curah				
Tangki Septik Komunal	4,386	532,051	4,386	532,076
Tangki Septik Individu	1,321,856	6,747,774	1,343,439	6,859,823
Tandas Curah	894,859	4,474,293	894,859	4,474,293
Lain-lain				
Stesen Pam Rangkaian	1,078	-	1,117	-
Panjang Rangkaian Kumbahan (km)	18,689	-	18,689	-

Jadual 16: Kemudahan-kemudahan Pembetungan bagi tahun 2015 – 2016

(ii) Pematuhan kepada Standard Efluen

Setakat Disember 2016, terdapat 6,577 LRK Awam di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan (kecuali Kelantan) yang dikendalikan oleh IWK, dengan peningkatan sebanyak 2.8% daripada 6,397 pada tahun 2015. Secara keseluruhannya, lebih daripada 74,604 pensampelan telah dijalankan. Pada keseluruhannya, terdapat peningkatan sebanyak 0.2% daripada 98.5% pada tahun 2016 dibandingkan dengan 98.3% yang direkodkan pada tahun 2015.

Parameter	Tahap Pematuhan (%) (Sasaran > 90%)								
	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Purata
Suspended Solids (SS)	97.6	97.8	97.1	97.0	96.9	97.3	98.1	98.5	97.6
Biological Oxygen Demand (BOD)	95.4	95.2	94.8	93.9	93.7	94.7	96.3	96.2	95.4
Chemical Oxygen Demand (COD)	97.6	97.7	97.5	97.1	96.9	97.9	98.5	98.6	97.6
Oil and Grease (O&G)	99.3	99.1	99.1	99.1	98.6	99.1	99.5	99.6	99.3
Ammonia (NH3-N)	99.6	99.6	99.4	99.5	99.2	99.1	98.9	99.8	99.6
Purata	97.9	97.9	97.6	97.3	97.1	97.6	98.3	98.5	97.9

Jadual 17: Pematuhan Standard Efluen 2009 – 2016

Sebab utama ketidakpatuhan adalah sistem dan peralatan yang gagal berfungsi dengan baik. Walau bagaimanapun, operator pembetungan telah mengambil langkah-langkah pemulihan seperti penggantian alat ganti, pemantauan berterusan dsb untuk mengurangkan ketidakpatuhan.

(iii) Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP)

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP) dikutip seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan) 2011. Ketersediaan dana ini membolehkan kemudahan pembetungan awam ditambah baik.

Setakat 31 Disember 2016, jumlah dana KWSMP yang telah dikutip adalah RM1.51 bilion. Pada 2016, jumlah yang dikutip ialah RM318.9 juta, iaitu 99% atau RM316.2 juta adalah dikutip melalui harta tanah yang disambung kepada sistem pembetungan awam.

Kategori	Kutipan KWSMP (RM)		
	2011-2015	2016	Jumlah
Penaitaranan	19,474,244	5,466,117	24,940,361
Sambungan	1,061,267,584	316,194,730	1,377,462,314
Tangki Septik Individu (IST)	66,434,194	12,789,581	79,223,775
Kemudahan Enap Cemar	2,283,522	1,663,753	3,947,275
Standby Generator	3,055,816	998,110	4,053,926
Genset dan Kemudahan Enap Cemar	19,991	235,340	255,331
Bangunan Spesifik I	3,200	10,900	14,100
Bangunan Spesifik II	29,800	41,260	71,060
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP)	20,180,710	0	20,180,710
Jumlah	1,172,749,061	318,903,104	1,510,148,852

Jadual 18: Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP), 2011 – 2016

Dari tahun 2012 sehingga 2016, 26 projek dengan jumlah nilai RM316,893,128.89 telah diluluskan oleh Jawatankuasa KWSMP dan status projek-projek tersebut adalah seperti dalam jadual yang berikut:

Bil.	Nama Projek	Anggaran Kos (RM)	Tempoh (Bulan)	Status (%)
Oleh IWK sebagai Perunding Pengurusan Projek				
1	Cadangan membina dan menyiapkan 1 unit Sistem Nyah-Air Mekanikal (MDU) dan sebuah Loji Pakej di Mukim Jamaluang, Daerah Mersing, Johor.	2,323,250.00	13	100
2	Cadangan membina dan menyiapkan 1 Unit Sistem Nyah-Air Mekanikal (MDU) di Loji sedia ada (JAN082) di Taman Perindustrian Jasin, Daerah Jasin, Melaka.	2,880,000.00	12	100
3	Cadangan membina dan menyiapkan 1 Unit Sistem Nyah-Air Mekanikal (MDU) dan sebuah Loji Pakej di Lot 4596 dan 6199 Teluk Kalong, Chukai, Daerah Kemaman, Terengganu.	3,600,000.00	15	100
4	Cadangan membaik pulih Paip Pembetungan dan Stesen Pam (KIM083) di Kulim Techno-City, Kulim, Kedah.	2,369,700.00	15	100
5	Cadangan menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Bandar Mahkota Cheras (HLT227), Selangor.	8,923,510.00	18	100
6	Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan bagi Cadangan Kerja-kerja Mereka bentuk untuk menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Berpusat di Bayan Baru (PEG061), Pulau Pinang.	9,108,766.75	46	100
7	Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan bagi Cadangan tambahan dan menaik taraf Rangkaian Paip Pembetungan dan Kerja-kerja Berkaitan di Bayan Baru, Pulau Pinang.	4,355,378.91	46	100
8	Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan bagi Cadangan membina Paip Pembetungan bagi kawasan Si-Rusa Port Dickson Negeri Sembilan.	4,577,353.09	46	100
9	Cadangan membina Rangkaian Paip Pembetungan di Sri-Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan.	51,991,773.00	36	35
10	Cadangan Menaik taraf Paip Pembetungan di Jalan Sultan Ahmad Shah, Georgetown, Pulau Pinang (Reka dan Bina)	8,963,379.20	18	81
Jumlah Perbelanjaan (RM) – A		99,093,110.95		

Bil.	Nama Projek	Anggaran Kos (RM)	Tempoh (Bulan)	Status (%)
Oleh SPAN				
1	Cadangan Kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf Rangkaian Paip Pembetungan di Taman Bukit Perdana, Batu Pahat, Johor (Reka dan Bina)	5,926,800.00	12	100
2	Cadangan membina Paip Pembetungan dari Halaman Free School ke Stesen Pam Taman Free School, Pulau Pinang (Reka dan Bina)	7,525,088.28	18	100
3	Cadangan Kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf Rangkaian Paip Pembetungan di Seksyen 15 dan Seksyen 16, Shah Alam, Selangor (Reka dan Bina)	26,367,412.52	24	85
4	Cadangan Pembinaan Paip Pembetungan Bertekanan Tinggi dari Stesen Pam Kumbahan Gurney Drive (PEG128) ke Stesen Pam Kumbahan Medan Lim Cheng Teik (PEG129), Pulau Pinang (Reka dan Bina)	35,575,252.98	24	100
5	Cadangan Kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan (PEG073), Batu Ferringhi, Pulau Pinang (Reka dan Bina)	46,423,743.00	32	95
6	Cadangan Kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan (NTN104), di Pasar Bandar Gemas, Seremban, Negeri Sembilan (Reka dan Bina)	7,595,192.89	18	100
7	Cadangan Kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan (KUN006) di Taman Mahkota, Kuantan, Pahang (Reka dan Bina)	6,826,558.00	18	100
8	Cadangan Kerja-kerja membaik pulih Sebuah Loji Rawatan Kumbahan & Stesen Pam di Lembah Beringin, Hulu Selangor (Reka dan Bina)	5,210,793.00	18	100
9	Cadangan Kerja-kerja membaik pulih Sebuah Loji Rawatan Kumbahan di Taman Seri Rasa, Hulu Selangor, Selangor (Reka dan Bina)	1,226,831.28	15	100
10	Cadangan Kerja-kerja membaik pulih 10 Buah Loji Rawatan Kumbahan di Negeri Pahang Dan Terengganu (Reka dan Bina)	17,670,200.00	24	80
11	Cadangan Kerja-kerja menaik taraf Stesen Pam Kumbahan (LAN 002) Di Pusat Bandar Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan (Reka dan Bina)	6,147,066.14	18	56

Bil.	Nama Projek	Anggaran Kos (RM)	Tempoh (Bulan)	Status (%)
Oleh SPAN				
12	Cadangan Kerja-kerja menaik taraf Sebuah Loji Rawatan Kumbahan (GSG161) di Kota Warisan, Daerah Sepang, Selangor (Reka dan Bina)	43,120,800.00	30	45
13	Cadangan Kerja-kerja menaik taraf Sebuah Loji Rawatan Kumbahan (SPI148) Di Taman Sempadan, Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (Reka dan Bina)	17,829,200.00	24	70
14	Cadangan Kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau (SEN330) di Kuala Sawah, Daerah Seremban, Negeri Sembilan (Reka dan Bina)	80,496,400.00	36	10
15	Cadangan Kerja-kerja membaik pulih Sebuah Loji Rawatan Kumbahan di Bandar Darul Aman	197,500.00	Telah disiapkan dengan kerjasama pemaju.	
16	Cadangan Pembaikan Loji Rawatan Kumbahan di Taman Serendah	482,200.00	Dijalankan oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd menggunakan peruntukan tabung kecemasan KWSMP	
Jumlah Perbelanjaan (RM) – B		217,800,017.94		
Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan (A + B) (RM)		316,893,128.89		

Jadual 19: Status Projek bagi tahun 2012 – 2016**(E) Pematuhan Standard****(i) Penyenaraian atau Pendaftaran Pembekal atau Produk**

Prosedur baharu bagi penyenaraian atau pendaftaran pembekal dan produk telah dilaksanakan sejak tahun 2012 bagi industri perkhidmatan air secara amnya tidak berubah kecuali dengan sedikit penambahan kepada prosedur tersebut agar lebih jelas dan efisien.

Sejumlah 1962 permohonan telah diterima daripada pembekal bagi tujuan penyenaraian dan pendaftaran pembekal dan produk. Terdapat peningkatan 237 (13.7%) permohonan berbanding pada tahun 2015. Permohonan-permohonan tersebut terdiri daripada 1,295 (66%) permohonan bagi sistem bekalan air dan 667 (34%) permohonan bagi sistem pembetungan.

Secara keseluruhannya, 1566 (79.8%) permohonan telah diluluskan bagi penyenaraian atau pendaftaran produk yang digunakan dalam industri perkhidmatan air, iaitu 1,062 (67.8%) permohonan telah diluluskan bagi sistem bekalan air dan 504 (32.2%) permohonan diluluskan bagi sistem pembetungan.

Sejak pengenalan pendaftaran pembekal dan produk pada tahun 2008, sejumlah 644 pembekal dengan 1560 produk telah sama ada disenaraikan (1061) atau didaftarkan (499) dengan SPAN. Berbanding tahun terdahulu, terdapat peningkatan penyenaraian atau pendaftaran sebanyak 70 (13.8%) pembekal dan peningkatan sebanyak 206 (17.9%) produk pada tahun 2016.

(ii) Pembangunan Standard Produk bagi Sistem Bekalan Air dan Sistem Pembetungan

Standard produk merupakan bahagian penting bagi penyenaraian produk dan pembekal bagi Kategori A. Standard yang relevan dan sesuai bagi produk-produk yang digunakan untuk sistem bekalan air dan sistem pembetungan diguna pakai dan diiktiraf oleh SPAN bagi tujuan pensijilan produk untuk penyenaraian.

Standard yang diiktiraf bagi pensijilan sistem bekalan air telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2014 melalui pewartaan Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 pada 30 Januari 2014. Produk-produk yang disenaraikan dalam Jadual Pertama [Kaedah 2 dan subkaedah 4(1)] Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2014 hendaklah mematuhi standard-standard yang ditetapkan dalam Jadual Pertama tersebut bagi kegunaan sistem bekalan air.

Pada masa kini, sebanyak 269 standard produk dan 62 standard pengujian prestasi telah diiktiraf oleh SPAN bagi pensijilan dan pengujian pelbagai produk yang digunakan dalam sistem bekalan air dan sistem pembetungan berbanding 260 standard produk dan 46 standard pengujian prestasi pada tahun 2015.

Selari dengan perubahan pembangunan standard, SPAN telah menyertai pelbagai jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Agensi Pembangunan Standard (SDA) seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Agensi Pembangunan Standard (SDA)	Bilangan Penyertaan Jawatankuasa		
	Jawatankuasa Standard Industri (ISC)	Jawatankuasa Teknikal (TC)	Kumpulan Kerja (WG)
Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)	2	5	6
Persatuan Pengeluar Plastik Malaysia (MPMA)	1	2	3
Institut Kimia Malaysia (IKM)	1	1	2

Jadual 20: Penyertaan SPAN dalam Pembangunan Standard

(iii) Audit Produk

Bagi memastikan agar produk yang disenaraikan atau didaftarkan untuk kegunaan dalam industri perkhidmatan air adalah selamat, berkualiti dan mematuhi standard produk, 11 audit rawak telah diadakan di premis pembekal pada tahun 2016 seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah:

Produk	Pembekal
Penyalut/Pelapik	Bitumax Industries Sdn Bhd
Tangki FRP dan Sistem Rawatan Kumbahan Kecil	Kossan FRP Industries (M) Sdn Bhd D'Bumi Water Sdn Bhd
Produk Sanitari	T.J Pottery Sdn Bhd Clay Industries Sdn Bhd
Paip dan Lengkapan	Megapadu Sdn Bhd Bina Plastic Industries Sdn Bhd Hydropipes Industries Sdn Bhd
Paip VCP	Sunways VCP Sdn Bhd
Paip Konkrit	G-Cast Concrete Sdn Bhd
Bahan Kimia	Chemkimia Sdn Bhd

Jadual 21: Ringkasan Audit Produk tahun 2016

Secara amnya, kesemua produk ini mematuhi standard yang ditetapkan. Audit produk akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan tahap keyakinan pengguna terhadap kualiti produk-produk yang digunakan dalam industri perkhidmatan air.

(iv) Aduan Produk

Sebanyak tujuh (7) aduan bagi produk bekalan air diterima dan disiasat pada tahun 2016. Aduan-aduan tersebut ialah paip air (3), bahan kimia (1), injap (1), tangki air (1), tetiang pili bomba (1) dan tiada aduan yang diterima bagi produk pembetungan. Jadual di bawah menunjukkan ringkasan aduan yang diterima oleh SPAN dan status aduan-aduan tersebut setakat 31 Disember 2016.

Perkara	2015			2016		
	Bekalan Air	Pembetungan	Jumlah	Bekalan Air	Pembetungan	Jumlah
Aduan yang Diterima	8	0	8	7	0	7
Kes Ditutup	5	0	5	3	0	3
Kes ditangguhkan sementara menunggu tindakan pembekal atau badan pensijilan	2	0	2	3	0	3
Menunggu pembekal menyelesaikan tindakan pembetulan/ pencegahan	0	0	0	0	0	0
Siasatan lanjut oleh Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan	1	0	1	1	0	1

Jadual 22: Aduan Produk tahun 2015 – 2016

(v) Skim Pelabelan Produk Cekap Air (SPPCA)

Skim Pelabelan Produk Cekap Air (SPPCA) adalah salah satu usaha SPAN yang berterusan dalam mempromosikan amalan baik pengurusan permintaan air dalam mengurangkan pembaziran dan penjimatan air. SPPCA telah dilancarkan pada Januari 2013 atas dasar sukarela untuk pembekal produk mendaftarkan dan melabelkan produk cekap air menurut garis panduan yang ditetapkan oleh SPAN. Ia dijangka bahawa permintaan pengguna bagi produk cekap air yang menggunakan air yang kurang akan meningkat pada masa hadapan memandangkan orang awam semakin sedar tentang keperluan memulihara sumber air yang boleh menyumbang kepada alam sekitar yang hijau.

Pada masa kini, terdapat 5 jenis produk SPPCA iaitu peralatan tandas, mesin basuh, pancuran mandi, tap air dan kelengkapan urinal. Walaupun terdapat dua (2) pembekal baharu telah mendaftar bagi skim ini, jumlah pembekal yang berdaftar telah berkurangan daripada 17 ke 11 disebabkan pembekal berdaftar tersebut tidak memperbaharui pendaftaran mereka. Produk yang didaftarkan di bawah SPPCA terdiri daripada 17 jenama yang mengandungi 149 model bagi peralatan tandas, 64 bagi mesin basuh dan 13 bagi pancuran mandi.

Beberapa sesi keterlibatan bersama pihak berkepentingan telah diadakan pada tahun 2016, dengan melibatkan organisasi bukan kerajaan yang terlibat dalam pensijilan Bangunan Hijau seperti Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia (REHDA) dan *Green Building Index* (GBI) Malaysia. Organisasi ini telah menerima dan mengguna pakai SPPCA sebagai penerimaan pensijilan untuk pematuhan keperluan penjimatan air. Jabatan Kerja Raya (JKR) juga telah mengguna pakai produk-produk SPPCA sebagai keperluan utama bagi projek-projek pembinaan mereka yang baharu. Selain itu, enam (6) kempen skim SPPCA telah diadakan di beberapa program *outreach*.

Pada Jun 2016, SPAN telah menjalankan kaji selidik pihak berkepentingan ke atas semua pembekal yang berdaftar dengan skim SPPCA. Objektif kaji selidik ini adalah untuk mengetahui keberkesanan skim SPPCA dari kaca mata pembekal dan pada masa yang sama mendapatkan maklum balas dan cadangan mereka. Maklum balas utama daripada kaji selidik tersebut ialah penerimaan produk cekap air oleh pihak berkepentingan masih rendah dan lebih banyak program kesedaran perlu dijalankan terutama sekali yang menasarkan pengguna untuk mempromosi produk-produk ini. Oleh itu, promosi mengenai kepentingan SPPCA kepada pengguna dan keterlibatan bersama pihak berkepentingan akan diteruskan dengan penekanan untuk menarik lebih perhatian dan penyertaan. Lebih banyak strategi seperti pengenalan perundangan subsidiari untuk menjadikan SPPCA sebagai mandatori dalam masa terdekat untuk mencapai objektifnya dalam memulihara sumber air untuk generasi masa hadapan.

(vi) Pembangunan kompetensi bagi Industri Perkhidmatan Air Malaysia

Seperti yang telah diperuntukkan dalam seksyen 49 Akta 655, SPAN telah menetapkan kelayakan yang sewajarnya yang perlu diperoleh oleh pihak berkepentingan yang terlibat bagi menjalankan pelbagai kerja dalam industri ini. Justeru, SPAN amat komited dalam memperbaiki dan meningkatkan tahap kecekapan dan pengetahuan di kalangan pihak berkepentingan dalam mencapai kecekapan dan produktiviti yang tinggi dalam operasi dan penyenggaraan sistem air dan sistem pembetungan.

Sejak 2014, SPAN telah memulakan suatu usaha sama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia, untuk meningkatkan kecekapan dalam industri perkhidmatan air. SPAN telah menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai kelayakan yang diiktiraf bagi kecekapan untuk Industri perkhidmatan air seperti yang diperuntukkan dalam Akta.

Sehingga kini, perkongsian strategik di antara SPAN dan JPK telah membawa hasil dan berjaya. Menerusi kerjasama tersebut, “*Occupational Framework for Water Services Industry*” telah diterbitkan pada Disember 2016 menggariskan kemahiran sumber manusia dan kelayakan kecekapan bagi semua sub-sektor dan semua jenis kerja berkaitan dalam industri ini.

“*National Occupational Skill Standards (NOSS)*” bagi setiap pekerjaan dalam sub-sektor seperti yang digariskan dalam rangka kerja pekerjaan akan dibangunkan dan seterusnya akan digunakan sebagai dokumen asas bagi pembangunan “*Writing Instruction Manual (WIM)*” iaitu modul latihan bagi pensijilan orang yang berkelayakan.

Pada tahun 2016, 14 NOSS telah dibangunkan mengandungi 6 NOSS bagi Sistem Bekalan Air dan 8 NOSS bagi Perkhidmatan Pembetungan. 4 NOSS telah diluluskan Jabatan Pembangunan Kemahiran dan selebihnya masih dalam peringkat akhir penilaian serta masih menunggu kelulusan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran. Senarai NOSS adalah seperti dalam Jadual 23:

Bil	NOSS	Tahap	Status
Bekalan Air			
1	<i>Water Treatment Quality Control And Testing (Laboratory)</i>	5 (Pengurus)	Lengkap (E360-001-3:2016)
2	<i>Water Treatment Quality Control (Laboratory)</i>	4 (Eksekutif)	Lengkap (E360-001-2:2016)
3	<i>Non-Revenue Water (NRW) Technical Management</i>	5 (Pengurus)	Lengkap (E360-002-5:2016)
4	<i>Non-Revenue Water (NRW) Operation & Technical Control</i>	4 (Eksekutif)	Lengkap (E360-002-4:2016)
5	<i>Facility Senior Technician</i>	3 (Penyelia)	masih menunggu kelulusan JPK
6	<i>Facility Senior Technician</i>	2 (Juruteknik)	masih menunggu kelulusan JPK

Bil	NOSS	Tahap	Status
Perkhidmatan Pembetungan			
7	<i>Sewer Operation And Conveyance Management</i>	5 (Pengurus)	masih menunggu kelulusan JPK
8	<i>Sewer Operation And Conveyance Technical Management</i>	4 (Eksekutif)	masih menunggu kelulusan JPK
9	<i>Desludging And Discharge Management</i>	5 (Pengurus)	masih menunggu kelulusan JPK
10	<i>Desludging And Discharge Administration</i>	4 (Eksekutif)	masih menunggu kelulusan JPK
11	<i>Desludging And Discharge Supervision</i>	3 (Penyelia)	masih menunggu kelulusan JPK
12	<i>Desludging And Discharge Operation</i>	2 (Juruteknik)	masih menunggu kelulusan JPK
13	<i>Plumbing & Sanitary Works Sr. Technician</i>	3 (Penyelia)	masih menunggu kelulusan JPK
14	<i>Plumbing & Sanitary Works Technician</i>	2 (Juruteknik)	masih menunggu kelulusan JPK

Jadual 23: Pembangunan NOSS bagi Sistem Bekalan Air dan Sistem Pembetungan bagi tahun 2016

Pada Ogos 2016, SPAN telah bersetuju secara prinsipnya untuk melantik Malaysian Water Association (MWA) sebagai *Industrial Lead Body* (ILB) bagi industri perkhidmatan air. Peranan ILB adalah untuk melaksanakan pelbagai fungsi seperti pembangunan NOSS, mempromosi skim akreditasi SKM, membantu pihak berkepentingan memperoleh akreditasi SKM, menjalankan kajian mengenai memperkaya pekerjaan dan bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap pembangunan kecekapan industri ini.

Pelantikan MWA sebagai ILB dijangka akan bermula pada awal tahun 2017 oleh Kementerian Sumber Manusia serta SPAN dan JPK akan menubuhkan jawatankuasa pemandu untuk memantau bersama aktiviti-aktiviti dan prestasi MWA.

(F) Audit Tematik

(i) Audit Tematik pada tahun 2016

Pada tahun 2016, empat (4) audit terhadap aktiviti-aktiviti berimpak tinggi telah dijalankan. Objektif utama audit tersebut adalah untuk memastikan pemegang lesen dan operator air melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka selaras dengan pelan perniagaan dan memenuhi kewajipan mereka sebagai pemegang lesen di bawah Akta 655. Ringkasan Audit Tematik yang dijalankan pada tahun 2016 adalah seperti Jadual 24 di bawah:

Bil	Audit Tematik	Pemegang Lesen	Objektif	Bil. Penemuan Audit yang dikeluarkan
1	Air Tidak Berhasil (NRW)	Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS)	Menyemak, mengkaji dan menilai keberkesanan pengurusan NRW	12
2	NRW dan Pengurusan Pengebilan Perancangan	Jabatan Bekalan Air Labuan (JBAL)	Menyemak, mengkaji dan menilai keberkesanan pengurusan NRW & Pengurusan Pengebilan	18
3	Permintaan dan Bekalan Air	Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB)	Menyemak, mengkaji dan menilai keberkesanan pengurusan Bekalan Air dan Pengurusan Permintaan	12
4	Pengurusan Pengebilan	Indah Water Konsortium Sdn Bhd	Menyemak, mengkaji dan menilai keberkesanan pengurusan pengebilan	11

Jadual 24: Audit Tematik yang dijalankan pada tahun 2016

(ii) Pemantauan dan Tindakan Susulan bagi Aktiviti Audit Tematik

Pada tahun 2016, BPIA meneruskan aktiviti-aktiviti dalam Laporan Audit Tematik 2016 berhubung dengan maklum balas daripada audit dengan penjelasan dan garis masa bagi penyelesaian isu-isu.

Aktiviti susulan adalah untuk memastikan pemegang lesen menjalankan tindakan pembetulan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan yang boleh mengubah industri ini ke arah model pengoperasian yang mapan selaras dengan Akta 655.

No	Audit Tematik	Pemegang Lesen	Bil. Penemuan Audit yang dikeluarkan	BII. Penemuan Audit yang dikeluarkan	Catatan
1	Pelaksanaan Perbelanjaan Modal (CAPEX)	Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)	24	20	Baki 4 isu akan diselesaikan pada suku ke-2 2017
2	Pengurusan pengebilan	Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB)	22	15	Baki 7 isu akan diselesaikan pada Suku ke-3 2017
3	Air Tidak Berhasil (NRW)	Syarikat Air Perlis Sdn Bhd (SAP)	12	2	Baki 10 isu akan diselesaikan melalui perlaksanaan Projek NRW oleh JBA, KeTTHA pada Suku ke-4 2017

Jadual 25: Susulan Audit Tematik bagi tahun 2015

(G) Penguatkuasaan

Pada tahun 2016, sebanyak 36 kertas siasatan baharu telah dibuka bagi pelbagai kesalahan yang dilakukan bawah Akta 655 yang menjadikan jumlah keseluruhan kertas siasatan yang telah dibuka sejak penubuhan SPAN setakat 31 Disember 2016 ialah 551. Pelbagai kesalahan yang telah dilaporkan oleh operator-operator dan tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh SPAN adalah seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah:

Kategori	Jenis Kesalahan	Bil. Kesalahan		
		2008-2015	2016	Jumlah
Perkhidmatan Air	Seksyen 123 – Penyambungan menyalahi undang-undang	326	14	340
	Subseksyen 89(9) – Pemotongan Bekalan Air	41	1	42
	Seksyen 124 – Mengganggu Meter	13	-	13
	Seksyen 125 – Mengganggu Sistem Bekalan Air	2	-	2
	Seksyen 126 – Mengambil Air dari Pili Bomba	3	-	3
	Subseksyen 122 (1)(a) – Perbuatan Salah	9	1	10
	Seksyen 45 – Pembinaan Sistem Bekalan Air	2	2	4
Jumlah untuk Air		396	18	414
Perkhidmatan Pembetungan	Seksyen 45 – Pembinaan Sistem Pembetungan	28	10	38
	Subseksyen 122 (1)(d) – Perbuatan Salah	6	-	6
	Di bawah Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 (SSA)	7	-	7
	Seksyen 65 dan 66 – Kacau Ganggu	14	1	15
	Seksyen 60 – Sambungan yang Tidak Dibenarkan	2	-	2
	Seksyen 61 – Efluen Terlarang disalirkan ke dalam pembetungan awam, dsb	3	1	4
Jumlah untuk Pembetungan		60	12	72
Lain-lain	Seksyen 50 – Kehendak Permit	6	2	8
	Seksyen 130 – Kesalahan Memberi Maklumat Palsu	9	-	9
	Seksyen 20 – Kehendak Lesen Kelas	41	3	44
	Seksyen 4 – Kehendak Lesen Individu	2	1	3
	Seksyen 10 – Pematuhan Syarat Lesen Individu	1	-	1
Jumlah untuk Lain-lain		59	6	65
JUMLAH KESELURUHAN		515	36	551

Jadual 26: Jumlah kes yang disiasat oleh SPAN setakat 31 Disember 2016

Jadual berikut menunjukkan kesalahan yang dilaporkan di bawah Akta 655:

Pengadu	Status Kes							Jumlah
	Jatuh Hukum	Dikompaun	Tindakan Mahkamah	Dalam Siasatan	Lengkap	Tiada Tindakan Lanjut		
SYABAS	23	3	0	40	40	31	137	
SAINS	23	4	0	54	47	13	141	
SAJH	5	2	0	19	10	6	42	
SAMB	1	1	1	7	9	7	26	
PAIP	3	2	0	5	23	4	37	
SADA	2	1	0	1	5	2	11	
AKSB	4	0	0	1	3	0	8	
LAP	2	1	0	3	1	0	7	
IWK	4	2	1	17	7	7	38	
PBAPP	0	1	0	0	0	0	1	
SATU	0	0	0	0	1	0	1	
SPAN / Public	13	10	2	34	29	17	105	
Jumlah	80	27	4	181	175	90	554	

Jadual 27: Status Kertas Siasatan di bawah Akta 655 setakat 31 Disember 2016

Nota: Statistik ini mungkin berbeza daripada tahun-tahun sebelum ini disebabkan kes-kes yang diklasifikasikan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya.

Kes-kes yang berjaya didakwa di bawah Akta 655 pada tahun 2016 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Tertuduh	Kesalahan	Mahkamah	Keputusan
1	Kaisan Metal Sdn Bhd	Seksyen 123	Sesyen Seremban	Denda RM8,000.00 atau 2 bulan penjara
2	Syarikat Air Negeri Sembilan	Seksyen 10	Sesyen Seremban	Denda RM50,000.00
3	Sara Timur Sdn Bhd	Seksyen 123	Sesyen Seremban	Denda RM5,000.00
4	Ibsul Holdings Sdn Bhd	Seksyen. 123	Sesyen Kuala Lumpur	Denda RM5,100.00
5	Mold-Masters Industries Sdn Bhd	Seksyen 89(9)	Majistret Seremban	Denda RM3,500.00
6	Siak Siong Construction Sdn Bhd	Seksyen 123	Sesyen Sepang	Denda RM10,000.00 (dengan kos sebanyak RM500.00 kepada pihak pendakwaan) atau 4 bulan penjara

Bil.	Tertuduh	Kesalahan	Mahkamah	Keputusan
7	Veolia JV Hatimuda Sdn Bhd	Seksyen 4	Sesyen Seremban	Denda RM50,000.00 atau 4 bulan penjara
8	R&O Amma Enterprise	Seksyen 123	Sesyen Johor Bahru	Denda RM3,000.00 atau 1 bulan penjara
9	Sri Medan Duck Farm Sdn Bhd	Seksyen 123	Sesyen Batu Pahat	Denda RM50,000.00
10	Top Pioneer Sdn Bhd	Seksyen 45	Sesyen Ayer Keroh	Denda RM5,000.00 atau 3 bulan penjara
11	GHT Enterprise	Seksyen 123	Sesyen Pasir Mas	Denda RM8,000.00 atau 4 bulan penjara
12	Konsep Setia Sdn Bhd	Seksyen 123	Sesyen Petaling Jaya	Denda RM10,000.00 atau 3 bulan penjara
13	Lee Sin Ming	Seksyen 123	Sesyen Teluk Intan	Denda RM10,000.00 atau 1 bulan penjara
14	Gold Fruits Enterprise	Seksyen 123	Sesyen Sungai Petani	Denda RM20,000.00
15	Kepong Industrial Park Sdn Bhd	Seksyen 65	Majistret Selayang	Denda RM10,000.00 atau 3 bulan penjara
16	Tan Aa Peng	Seksyen 123	Sesyen Johor Bahru	Denda RM10,000.00 atau 2 bulan penjara
17	Projek Lintasan Shah Alam-Klang Sdn Bhd	Seksyen 123	Sesyen Shah Alam	Denda RM40,000.00
18	Happy Hotel Sdn Bhd	Seksyen 123	Sesyen Seremban	Denda RM30,000.00 atau 3 bulan penjara

Jadual 28: Sabitan bagi kes yang didakwa bawah Akta 655 pada tahun 2016

(H) Aduan Pengguna

(i) Aduan yang diterima oleh SPAN

Pada tahun 2016, SPAN menerima aduan sebanyak 781, iaitu 563 aduan bagi perkhidmatan bekalan air dan 218 aduan bagi perkhidmatan pembetungan. Walau bagaimanapun, aduan-aduan yang diterima oleh SPAN adalah termasuk dengan aduan-aduan yang bukan dalam kawasan kawal selia SPAN (Sabah dan Sarawak). Pada keseluruhannya, 80% aduan-aduan yang diterima berjaya diselesaikan. Pecahan aduan-aduan yang diterima oleh SPAN mengikut jenis aduan adalah seperti yang berikut:

Perkhidmatan	Aduan yang Diterima		Aduan yang Diselesaikan		5 Aduan yang Sering Diterima oleh SPAN Sepanjang 2015 – 2016
	2015	2016	2015	2016	
Bekalan Air	338	563	314 (93%)	458 (81%)	i. Gangguan Bekalan Air yang Kerap ii. Tekanan Air Rendah iii. Kualiti Air yang Teruk iv. Maklum Balas yang Tidak Memuaskan oleh Perhubungan Pengguna Operator v. Pertikaian mengenai Pengebilan
Pembetungan	201	218	184 (92%)	187 (86%)	i. Kebocoran Paip ii. Bau Busuk dari loji rawatan kumbahan iii. Pencemaran iv. Loji rawatan kumbahan yang tidak disenggarakan dengan sempurna v. Tumpahan Sisa Kumbahan
Jumlah	539	781	489	645	

Jadual 29: Aduan-aduan yang diterima oleh SPAN bagi Perkhidmatan Air sepanjang 2015 – 2016

(ii) Aduan yang Diterima oleh Operator-operator

Jumlah aduan yang diterima oleh operator-operator bagi tahun 2016 untuk perkhidmatan bekalan air telah meningkat sebanyak 12% dan perkhidmatan pembetungan juga telah meningkat sebanyak 2% masing-masing. Bagi perkhidmatan bekalan air, kebanyakan aduan yang diterima adalah aduan yang melibatkan gangguan bekalan air, paip pecah, tekanan air rendah, pengebilan dan kualiti air.


Jenis Aduan bagi Perkhidmatan Bekalan Air	Jumlah Aduan		Kenaikan / (Penurunan) %	Komposisi (%)	
	2015	2016		2015	2016
Paip Pecah / Kebocoran	396,892	451,587	14	41	42
Kualiti Air	10,281	9,271	(10)	1	1
Tekanan Air	62,527	69,108	11	6	6
Gangguan Bekalan Air	345,671	393,450	14	36	37
Pengebilian	112,350	114,762	2	12	11
Lain-lain	34,555	38,360	11	4	4
Jumlah	1,016,857	962,276	12	100	100

Jadual 30: Aduan-aduan yang direkodkan oleh Operator-operator Bekalan Air bagi Tahun 2015 – 2016

Bagi perkhidmatan pembetungan, kebanyakan aduan yang diterima adalah berkaitan dengan pengebilian, perkhidmatan nyah enap cemar, masalah di loji rawatan kumbahan dan pelupusan enap cemar. Terdapat peningkatan secara am sebanyak (3.7%) bagi aduan-aduan yang diterima oleh operator-operator perkhidmatan pembetungan

Jenis Aduan bagi Perkhidmatan Pembetungan	Jumlah Aduan		Kenaikan / (Penurunan) %	Komposisi (%)	
	2015	2016		2015	2016
Pengebilian	387,888	413,774	6.7	74	77
Perkhidmatan Nyah Enap Cemar	57,731	55,028	(4.7)	11	10
Loji Rawatan Kumbahan (LRK)	10,487	9,847	(6.1)	2	2
Rangkaian Paip Pembetungan dan Rangkaian Stesen Pam	23,425	23,316	(0.5)	5	4
Lain-lain (Tandas Curah, Enap Cemar, Lain-lain)	37,302	33,844	(9.3)	8	6
Jumlah	516,833	535,809	3.7	100	100

Jadual 31: Aduan-aduan yang direkodkan oleh Operator-operator Perkhidmatan Pembetungan bagi Tahun 2015 – 2016



Diari Korporat



Diari Korporat

Januari 2016



13 Januari 2016

Pegawai SPAN memberi penerangan kepada media semasa operasi penguatkuasaan cegah sambungan haram di Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam.



20 Januari 2016

Sesi temubual antara Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Ybhg Dato' Mohd Ridhuan bin Ismail dan Bernama TV.



28 Januari 2016

Pegawai SPAN menunjukkan kawasan penyambungan haram semasa operasi penguatkuasaan cegah penyambungan haram di Balakong.



30 Januari 2016

Pegawai SPAN memberi penerangan kepada pengunjung pameran di Program Jelajah YaHijau Sarawak di Santubong.

Februari 2016



02 Februari 2016

Majlis Pelancaran Rundingan Awam Bersama Penggiat Industri SWAT Fasa II di Hotel Bangi-Putrajaya.



04 Februari 2016

Pegawai SPAN memberi penerangan kepada media semasa operasi penguatkuasaan cegah penyambungan haram bersama SYABAS di Bandar Baru Sentul.



19 Februari 2016

SPAN menerima lawatan rasmi daripada Jabatan Air Negeri Sabah.

Mac 2016



08 Mac 2016

Pegawai SPAN menunjukkan kawasan penyambungan haram semasa operasi penguatkuasaan cegah penyambungan haram di Klang, Selangor.



22 Mac 2016

Encik Iwan Nazri bin Mohamad Nordin, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri memberi penerangan kepada peserta sempena Hari Air Sedunia di Colgate-Palmolive Malaysia, Petaling Jaya.



24 Mac 2016

Pegawai SPAN bersama Air Selangor semasa aktiviti penguatkuasaan cegah penyambungan haram di sebuah kolam pancing di Taman Desa Serdang, Seri Kembangan.



26 Mac 2016

Pegawai SPAN memberi penerangan kepada pengunjung pameran sempena Hari Air Sedunia 2016 Peringkat Negeri Selangor di Pantai Remis.

April 2016



06 – 08 April 2016

Pameran Asia Water 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).



23 April 2016

Pameran sempena Sambutan Hari Air Sedunia 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang bertempat di Empangan Ayer Itam.

12 – 14 April 2016

Pameran Ecobuild Southeast Asia 2016 sempena International Construction Week (ICW 2016) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).



29 April 2016

Lawatan Kerja Anggota Suruhanjaya dan Pengarah Eksekutif SPAN ke Perak bagi meninjau status bekalan air semasa.

Mei 2016



03 Mei 2016

Lawatan Ketua Pegawai Eksekutif SPAN dan Anggota Suruhanjaya SPAN ke Johor bagi meninjau status bekalan air semasa.



04 Mei 2016

Sesi Temubual eksklusif Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Ybhg Dato' Mohd Ridhuan bin Ismail bersama Traxx FM.



25 Mei 2016

Pegawai SPAN bersama Air Selangor semasa aktiviti penguatkuasaan cegah penyambungan haram di Wangsa Maju, Kuala Lumpur.



30 – 31 Mei 2016

Sesi bergambar sempena Majlis Penutup Pesta Kaamatan Peringkat Negeri Sabah 2016.

Jun 2016



15 Jun 2016

Pegawai SPAN bersama Air Selangor sedang menjalankan ujian Klorin semasa aktiviti penguatkuasaan cegah penyambungan haram di Jalan Teluk Pulai, Klang.

Julai 2016



14 Julai 2016

Delegasi dari Korea dibawa ke Loji Rawatan Air Sungai Semenyih untuk satu lawatan rasmi.



28 Julai 2016

SPAN menerima lawatan rasmi daripada delegasi dari Thailand.

Ogos 2016



03 Ogos 2016

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) hadir ke Majlis sambutan Aidilfitri SPAN tahun 2016 di Ibu Pejabat SPAN.

Oktobre 2016



05 – 08 Oktober 2016

Pameran Sempena *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM)* 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).



14 - 15 Oktober 2016

Pegawai SPAN memberi penerangan kepada pengunjung pemeran semasa Karnival YaHijau di Langkawi, Kedah.

Oktober 2016



25 Oktober 2016

Bengkel membangunkan manual pelaksanaan projek perintis industri perkhidmatan air di Hotel Tan'Yaa Cyberjaya.

November 2016



05 – 06 November 2016

Pameran sempena Pesta Kota Marudu 2016 di Padang Dataran Kota Marudu, Sabah.



14 – 15 November 2016

Lawatan rasmi delegasi dari Zambia ke Ibepejabat SPAN, Cyberjaya.

November 2016



17 November 2016

Mesyuarat SPAN Bersama Pegawai Undang-Undang daripada Operator Air & Pembetungan mengenai Cadangan Pindaan Akta 655 bersama KeTTHA bertempat di Hotel Dorsett, Putrajaya.



31 Oktober – 01 November 2016

Sesi bergambar bersama peserta Bengkel Pembangunan Pelan Integriti SPAN yang diadakan di Hotel Bangi-Putrajaya.

Disember 2016



06 Disember 2016

Mesyuarat SPAN Bersama Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Operator Industri Perkhidmatan Air bertempat di Hotel Bangi-Putrajaya.



08 Disember 2016

Timbalan Ketua Setiausaha KeTTHA, Ybhg Dato' Dr. Tan Yew Chong menyerahkan aplikasi MyWater kepada pihak SPAN semasa Majlis Penyerahan Aplikasi Mywater Kepada SPAN di KeTTHA, Putrajaya.

Disember 2016



09 Disember 2016

Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Ybhg Dato' Mohd Ridhuan bin Ismail menyerahkan *mock-cheque* sumbangan kepada penjaga Pertubuhan Budaya Harapan, Rawang pada satu Program Tanggungjawab Sosial Korporat bersama anak-anak yatim tersebut.



19 Disember 2016

Bengkel Pelan Tadahan Pembetungan Nasional Bagi Fasa 1A di Hotel Bangi-Putrajaya.




23 Disember 2016

Pengerusi SPAN, Yang Berhormat Datuk Liang Teck Meng menyerahkan *mock-cheque* kepada pihak The Star sempena sumbangan SPAN di dalam program The Star-Nie.



28 Disember 2016

Temubual Ekslusif Yang Berhormat Datuk Pengerusi dan wartawan daripada Sin Chew Daily.



Penyata Kewangan





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 10 hingga 28.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654). Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan

keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalam yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.


Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 3(b) kepada penyata kewangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(JOHARI BIN ISMAIL)
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
31 JULAI 2017





Laporan Kewangan Suruhanjaya

LAPORAN SURUHANJAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Suruhanjaya dengan ini membentangkan laporan dan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

KEGIATAN UTAMA

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Suruhanjaya) adalah agensi pengawal selia tunggal bagi pengawalseliaan perkhidmatan bekalan air dan pembetungan serta penguatkuasaan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan perkara-perkara yang berkaitan bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654).

KEPUTUSAN KEWANGAN

RM

Lebihan kendalian bersih bagi tahun kewangan	13,877,240
--	------------

REZAB DAN PERUNTUKAN

Sepanjang tahun ini, tiada sebarang pindahan penting kepada atau daripada peruntukan. Suruhanjaya tidak mempunyai sebarang akaun rezab.

HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Pada tarikh laporan ini, tiada hutang lapuk yang dihapuskira atau elauh hutang ragu yang diperuntukkan dalam penyata kewangan.



ASET SEMASA

Pada tarikh laporan ini, Suruhanjaya tidak menyedari adanya sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan nilai bagi aset semasa dalam penyata kewangan mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, Suruhanjaya tidak mengetahui adanya sebarang keadaan yang timbul yang boleh mengakibatkan pematuhan kepada kaedah yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti dalam penyata kewangan Suruhanjaya mengelirukan atau tidak sesuai.

LIABILITI LUAR JANGKA DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (i) Sebarang gadaian ke atas aset Suruhanjaya yang telah diwujudkan sejak akhir tahun kewangan yang mencagarkan liabiliti mana-mana perseorangan lain; atau
- (ii) Sebarang liabiliti luar jangka berhubung dengan Suruhanjaya yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tidak ada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain Suruhanjaya yang akan berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini dimana, pada pendapat Suruhanjaya, akan atau mungkin memberi kesan yang bermakna terhadap keupayaan Suruhanjaya untuk menyelesaikan liabilitinya apabila tiba masanya.



Laporan Kewangan Suruhanjaya

ANGGOTA SURUHANJAYA

Anggota-anggota Suruhanjaya yang berkhidmat sejak tarikh laporan terakhir adalah seperti berikut:

Datuk Liang Teck Meng	(dilantik pada 1 November 2016)
Dato' Mohd Ridhuan bin Ismail	
Datuk Roger Tan Kor Mee	
Datuk Dr. Bernard S. Maraat	
Dato' Ir. Lim Chow Hock	
Dato' Dr. Tan Yew Chong	
Dato' Sebastian Ting Chiew Yew	
Encik Dzulkifli bin Ahmad	
Datuk Suzannah Liaw Siew Yea	(dilantik pada 2 April 2017)
Prof. Dato' Dr. Mohd Hamdan Hj. Adnan	(dilantik pada 2 April 2017)
Dato' M Santhanaban	(dilantik pada 2 April 2017)
Dato' Ismail bin Kasim	(bersara pada 31 Oktober 2016)
Tan Sri Ir. Syed Muhammad Shahabudin	(bersara pada 1 April 2017)
Dato' Ir. Sonny Cheah Lai Shin	(bersara pada 1 April 2017)
Prof. Datuk Dr. Marimuthu Nadason	(bersara pada 1 April 2017)
Dato' Zulkifly bin Rafique	(bersara pada 1 April 2017)

MANFAAT AHLI-AHLI MAJLIS

Semenjak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada seorang Anggota Suruhanjaya telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat dalam bentuk bayaran gaji, elauan dan kemudahan yang layak diterima).

Kenyataan Anggota Suruhanjaya



PENYATA PENGURUSI DAN SALAH SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA

Kami, **Datuk Liang Teck Meng** dan **Dato' Mohd Ridhuan bin Ismail**, yang merupakan Pengurus dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara:

DATUK LIANG TECK MENG
Pengerusi

No. Kad Pengenalan : 710724-01-5213
Tarikh : 07 JUN 2017

DATO' MOHD RIDHUAN BIN ISMAIL
Ketua Pegawai Eksekutif

No. Kad Pengenalan : 590408-07-6387
Tarikh : 07 JUN 2017



PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA

Saya, **Abrari bin Salleh**, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan ini mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas di)
Bandar Baru Bangi)

Tarikh : **07 JUN 2017**

ABRARI BIN SALLEH

No. Kad Pengenalan : 690604-01-5299



310A Diamond Complex,
Bangi Business Park,
Jalan Medan Off Jln Persiaran
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.

Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2016



	Nota	2016 RM	2015 RM Dinyatakan semula
HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN	4	4,226,906	2,970,235
ASET SEMASA			
Penghutang	5	4,459,919	7,021,477
Pendahuluan, prabayar dan deposit	6	844,474	752,165
Faedah terakru	7	1,235,793	556,497
Deposit di bank berlesen - simpanan tetap dan REPO	8	64,800,000	47,000,000
Tunai di bank		7,033,009	1,005,773
		78,373,195	56,335,912
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	9	14,240,917	9,299,292
Geran – Modul Latihan (KeTTHA-SPAN-MyWA)	10	4,409,061	-
Peruntukan cukai		204,928	138,900
		18,854,906	9,438,192
ASET SEMASA BERSIH		59,518,289	46,897,720
		63,745,195	49,867,955
Dibiayai oleh:			
Dana terkumpul		63,745,195	49,867,955
		63,745,195	49,867,955

Nota-nota yang disertakan di muka surat 80 hingga 93 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM Dinyatakan semula
PENDAPATAN			
Pendapatan faedah		2,244,321	1,333,807
Pelbagai pendapatan		46,247	29,176
Pendapatan – Geran Modul MYWA		82,480	-
Fi lesen/ permit		42,495,863	40,524,566
Fi Pengurusan KWSMP		5,669,727	5,000,000
		50,538,638	46,887,549
TOLAK: PERBELANJAAN			
Perbelanjaan kakitangan	11	22,029,783	20,654,477
Perbelanjaan – Geran Modul MYWA	10	82,480	-
Perkhidmatan dan bekalan	12	10,304,259	8,887,928
Perbelanjaan lain	13	211,108	217,794
Sumbangan kepada Forum Air Malaysia	14	800,000	600,000
Susutnilai	4	1,200,604	881,716
		34,628,234	31,241,915
LEBIHAN KENDALIAN SEBELUM CUKAI		15,910,404	15,645,634
TOLAK: CUKAI	15	(2,033,164)	(1,251,801)
LEBIHAN KENDALIAN BERSIH SELEPAS CUKAI BAGI TAHUN KEWANGAN		13,877,240	14,393,833

Nota-nota yang disertakan di muka surat 80 hingga 93 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016



RM

2015

Dana terkumpul pada 1 Januari	35,474,122
Lebihan kendalian bersih bagi tahun kewangan	4,398,744
	49,872,866
Pelarasan tahun lepas	17 (4,911)
	49,867,955

Dinyatakan semula baki akhir pada 31 Disember

2016

Dana terkumpul pada 1 Januari	49,867,955
Lebihan kendalian bersih bagi tahun kewangan	13,877,240
Dana terkumpul pada 31 Disember	63,745,195

Nota-nota yang disertakan di muka surat 80 hingga 93 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

	2016 RM	2015 RM
Aliran tunai dari aktiviti operasi		
Lebihan kendalian sebelum cukai	15,910,405	15,650,544
Pelarasian bagi:		
Pendapatan faedah	(2,244,321)	(1,333,807)
Susutnilai	1,200,605	881,716
Untung daripada pelupusan aset tetap	(45,987)	(24,844)
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	14,820,701	15,173,609
Pelbagai Penghutang	2,469,248	9,852,188
Pembiutang lain	4,941,625	375,323
Geran – Modul Latihan (KeTTHA-SPAN-MyWA)	4,409,061	-
Cukai dibayar	26,640,635	25,401,120
Tunai bersih yang diperolehi daripada aktiviti operasi	(1,967,136)	(1,510,685)
	24,673,499	23,890,435
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Pembelian harta, kelengkapan dan peralatan	(2,457,279)	(1,980,466)
Terimaan daripada jualan aset tetap	45,991	25,756
Terimaan daripada pendapatan faedah	1,565,025	968,690
Tunai bersih yang digunakan daripada aktiviti pelaburan	(846,263)	(986,020)
Lebihan bersih tunai dan setara tunai	23,827,236	22,904,415
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	48,005,773	25,101,358
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	71,833,009	48,005,773
Nota kepada tunai dan setara tunai pada akhir tahun:		
Deposit di bank berlesen – simpanan tetap dan REPO	64,800,000	47,000,000
Tunai di tangan dan bank	7,033,009	1,005,773
	71,833,009	48,005,773

Nota-nota yang disertakan di muka surat 80 hingga 93 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



Nota Kepada Penyata Kewangan

1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya telah ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) pada 1 Februari 2007. Anggota Suruhanjaya telah dilantik oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Suruhanjaya terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada sepuluh orang lain.

Objektif penubuhan SPAN di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) memperuntukkan fungsi Suruhanjaya sebagaimana berikut:

- (a) Menasihati Menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan melaksanakan dan memajukan objektif dasar kebangsaan itu;
- (b) Melaksanakan dan menguatkusakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan menimbaangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan;
- (c) Memastikan daya pengeluaran industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan dan memantau pengendali mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan, obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;
- (d) Menambah usaha bersepada ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan air tidak berhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;
- (e) Menasihati Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan alat yang sesuai;
- (f) Memastikan matlamat pembangunan Negara berkenaan dengan liputan, pembekalan dan akses kepada perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan tercapai;
- (g) Memastikan pengekalan kualiti air dan perkhidmatan pembetungan secara jangka panjang melalui pembangunan modal kerja yang berterusan;
- (h) Merumuskan dan melaksanakan rancangan supaya semua permintaan yang munasabah bagi perkhidmatan pembetungan dipenuhi dan melalui perundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, menyediakan suatu rancangan kawasan tадahan pembetungan yang merumuskan dasar dan cadangan am berkenaan dengan pembangunan apa-apa sistem pembetungan yang baru dan langkah-langkah bagi pemberian mana-mana sistem pembetungan yang sedia ada;
- (i) Menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan
- (j) Menasihati Menteri secara amnya mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan.

Alamat Suruhanjaya adalah di Aras Bawah & Aras Satu, Prima Avenue 7, Blok 3510, Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.



Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Risiko kredit

Suruhanjaya mengamalkan polisi di mana tunai dan bersamaan tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen. Risiko kredit adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh ketidakupayaan atau kegagalan pihak yang terlibat untuk memenuhi tanggungjawabnya membuat pembayaran semula. Pendedahan kepada risiko kredit adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti urus niaga dan pelaburan.

Risiko kredit dikawal melalui aplikasi terhadap pengesahan kredit, had dan pengawalan prosedur. Ini dilaksanakan melalui rujukan daripada penarafan kredit yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan. Sekiranya ketiadaan penarafan kredit, penyemakan kredit dalaman dilakukan untuk risiko kredit yang ketara.

(b) Risiko mudah tunai

Risiko mudah tunai berkait dengan ketidakupayaan untuk memenuhi komitmen kewangan dan tanggungannya apabila sampai masa yang telah ditetapkan. Suruhanjaya mempunyai tahap kecairan aset mudah cair yang mencukupi dan menyimpan tunai di institusi kewangan bagi tujuan memenuhi keperluan Suruhanjaya dan lain-lain komitmen dan tanggungannya.

(c) Risiko kadar faedah

Suruhanjaya terdedah kepada risiko kadar faedah yang berkaitan dengan pelaburan simpanan tetapnya dengan sebuah institusi kewangan yang berlesen yang mempunyai kebolehpercayaan kredit. Suruhanjaya boleh terdedah kepada kerugian disebabkan oleh struktur kadar faedah yang timbul daripada perubahan kadar faedah. Suruhanjaya mengurus risiko kadar faedahnya dengan meletakkan baki berkenaan mengikut terma kematangan dan kadar faedah yang berbeza-beza.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar perakaunan yang berikut diamalkan oleh Suruhanjaya:

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia - MPERS).

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah kecuali sepertimana yang dinyatakan sebaliknya dalam polisi perakaunan penting dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)



(b) Peralihan kepada Rangka Kerja Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia baru

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, Suruhanjaya telah menerima pakai Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Tarikh peralihan kepada Rangka Kerja Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia baru adalah 1 Januari 2015.

(c) Harta, kelengkapan dan peralatan

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada nilai kos pada awal pembelian. Kos untuk menggantikan bahagian item harta, kelengkapan dan peralatan diiktiraf di dalam nilai dibawa item tersebut jika ianya berkemungkinan memberi manfaat ekonomi di masa depan yang akan mengalir masuk ke dalam Suruhanjaya dan kos tersebut boleh diukur dengan yakin. Kos pembiayaan harta, kelengkapan dan peralatan dari hari ke hari diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila ditanggung.

Semua harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai.

Susutnilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna setiap bahagian harta, kelengkapan dan peralatan.

Kadar tahunan susutnilai adalah seperti berikut:

Peralatan pejabat	15%
Sistem aplikasi dan komputer	33.33%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	20%

Jika wujud penurunan nilai, jumlah aset akan dinilai semula dan dikurangkan serta merta kepada jumlah yang boleh dituntut. Keuntungan dan kerugian dari penjualan akan ditentukan secara membandingkan jumlah penerimaan dengan jumlah yang termasuk dalam penyata kewangan.

(d) Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan.

(e) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai semasa yang perlu dibayar pada masa hadapan bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima.



Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

(f) Kemerosotan Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Lembaran Imbangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda kemerosotan. Jikalau wujud tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai yang diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan.

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susustnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

(g) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai mengandungi tunai dalam tangan, baki di bank dan deposit di bank berlesen dalam tempoh kematangan di antara enam (6) hingga empat belas (14) bulan yang amat mudah cair yang boleh ditukar dengan mudah kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(h) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja-pekerja Suruhanjaya. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja yang akan meningkatkan kelayakan pekerja ke atas cuti berbayar hadapan, dan cuti berbayar jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila cuti berlaku.

(ii) Pelan sumbangan tetap

Mengikut undang-undang, majikan Malaysia yang berkelayakan diwajibkan memberi sumbangan tetap ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sumbangan tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan. Tanggungan untuk pelan sumbangan tetap, diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa di dalam penyata pendapatan.

(i) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Pendapatan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara terdiri daripada kutipan lesen, fi pengurusan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP) dan penerimaan faedah. Semua pendapatan dikira berasas akruan kecuali fi tahunan lesen individu. Pendapatan fi tahunan lesen individu diiktiraf apabila fi telah dimuktamadkan.



Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

(j) Geran

Geran Modul Latihan (KeTTHA-SPAN-MyWa) merupakan geran yang diterima oleh Suruhanjaya daripada pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sebagai Agensi Kerajaan bagi tujuan melaksanakan program pembangunan silibus dan modul-modul latihan industri perkhidmatan air negara.

(k) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuat kuasakan pada tarikh penyata lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

(l) Urus Niaga Matawang Asing

Urus niaga dalam matawang asing diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang terpakai pada tarikh urus niaga berlaku dan di mana penyelesaian belum berlaku pada akhir tahun kewangan, pada kadar pertukaran yang terpakai pada tarikh tersebut. Perbezaan pertukaran asing yang wujud dari penterjemahan dibawa ke penyata pendapatan.

(m) Urus Niaga Pihak Berkaitan

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

(n) Instrumen Kewangan

(i) Aset kewangan dan aset liabiliti

SPAN telah mengubah dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan pengukuran aset kewangan pada semasa pelaksanaan MPERS 11: "Instrumen Kewangan Asas" pada 1 Januari 2015.

SPAN mengklasifikasikan aset kewangan dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui untung rugi dan pelunasan kos.



Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran

Pembelian dan penjualan rutin aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan di mana Suruhanjaya bertekad untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan yang dicatat pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf pada nilai saksama, dan kos transaksi akan direkodkan dalam untung rugi. Aset kewangan tidak akan diperakui apabila hak untuk memperolehi aliran tunai yang dijana dari pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Suruhanjaya telah memindahkan semua risiko dan manfaat pemilikan secara keseluruhannya. Aset kewangan sedia untuk dijual dan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi kemudiannya dinilai pada nilai saksama. Pinjaman dan penghutang kemudiannya direkodkan pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada perubahan nilai saksama ‘aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi’ dinyatakan dalam laporan penyata pendapatan dibawah kategori lain-lain untung/rugi bersih pada tempoh semasa. Pendapatan dividen daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf dalam laporan penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada lain-lain pendapatan apabila Suruhanjaya telah mendapat hak untuk menerima bayaran.

(iii) Penjejasan aset kewangan

(i) Aset direkodkan pada kos pelunasan

Suruhanjaya menilai pada setiap akhir tempoh pelaporan samada terdapat bukti yang objektif bahawa aset kewangan Suruhanjaya mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan Suruhanjaya mengalami penjejasan nilai dan rugi penjejasan nilai akan ditanggung hanya jika wujud bukti objektif berkaitan penjejasan nilai sebagai penyebab wujudnya peristiwa atau peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan aset tersebut ('peristiwa yang merugikan') dan peristiwa yang merugikan telah memberi impak pada anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan Suruhanjaya yang mana anggarannya boleh diperakui.

Kriteria yang digunakan Suruhanjaya untuk menentukan bahawa wujud bukti objektif penjejasan nilai meliputi:

- Kesulitan kewangan penerbit dan penerima tanggungan;
- Pelanggaran kontrak, ingkar atau tunggakan faedah atau bayaran pokok;
- Suruhanjaya, atas sebab-sebab ekonomi atau undang-undang yang berkaitan dengan kesulitan kewangan peminjam; memberikan konsesi kepada peminjam, yang mana kebiasaannya tidak diberikan;
- Berkemungkinan peminjam akan berdepan dengan masalah muflis atau lain-lain bentuk penstrukturran semula kewangan;
- Kehilangan pasaran aktif untuk aset kewangan disebabkan kesulitan kewangan; atau
- Data yang menunjukkan terdapat pengurangan ke atas anggaran aliran tunai masa depan yang boleh diukur dari portfolio aset sejak pengiktirafan permulaan aset tersebut; walaupun penurunan tersebut belum dapat dikenalpasti berkait mana-mana aset kewangan tertentu dalam portfolio, termasuk;

Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)



(iii) Penjejasan aset kewangan (sambungan)

- (a) Perubahan yang merugikan status pembayaran peminjam dalam portfolio; dan
- (b) Keadaan ekonomi nasional atau tempatan yang berkait rapat dengan prestasi aset dalam portfolio

Suruhanjaya terlebih dahulu menilai bukti-bukti mengenai kewujudan penjejasan nilai. Jumlah kerugian diukur melalui perbezaan diantara nilai bawaan aset dan nilai masa kini bagi anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum berlaku) didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal bagi aset kewangan itu. Nilai bawaan aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam laporan penyata pendapatan. Jika pinjaman atau pelaburan dipegang hingga jatuh tempoh matang memiliki kadar faedah berubah-ubah, kadar diskaun efektif masa kini adalah kadar diskaun yang digunakan untuk mengukur sebarang penjejasan sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak.

Secara praktikalnya, Suruhanjaya dapat mengukur penjejasan nilai berdasarkan nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran yang boleh diperhati.

Jika, pada tempoh berikutnya, jumlah rugi penjejasan berkurang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan penjejasan nilai (seperti peningkatan tingkat kredit penghutang), pemulihan kerugian penjejasan nilai sebelumnya diakui diiktiraf dalam untung rugi.

(iv) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan meliputi skop MPERS 11 diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya apabila, Suruhanjaya menjadi pihak yang terlibat kontrak peruntukan bagi instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf umum pada nilai saksama, yang mana bagi liabiliti yang terdiri daripada liabiliti selain derivatif, pengiktirafan ditambah kos transaksi terlibat secara langsung.

Selepas pengukuran awalan, kesemua liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif kecuali untuk derivatif yang mana diukur pada nilai saksama.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila tanggungan ke atas liabiliti dipadamkan. Apabila liabiliti kewangan yang wujud diganti oleh liabiliti yang lain dari pemberi pinjaman yang sama tetapi dengan terma-terma pinjaman yang berbeza, atau terma bagi liabiliti yang sedia ada dipindah, dimana pertukaran atau pindaan diperlakukan sebagai penamatan pengiktirafan ke atas liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan turut diiktiraf dalam untung rugi.



Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

4. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

	Perabot dan kelengkapan	Peralatan pejabat	Sistem aplikasi & komputer	Kenderaan bermotor	Jumlah
2016	RM	RM	RM	RM	RM
Kos					
Pada 1 Januari	1,157,516	806,592	5,612,848	2,986,723	10,563,679
Lupus	-	-	-	(544,169)	(544,169)
Penambahan	-	61,430	2,282,056	113,793	2,457,279
Pada 31 Disember	1,157,516	868,022	7,894,904	2,556,347	12,476,789
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Januari	1,155,238	535,395	4,219,975	1,682,836	7,593,444
Lupus	-	-	-	(544,165)	(544,165)
Penambahan	1,059	70,651	749,045	379,849	1,200,604
Pada 31 Disember	1,156,297	606,046	4,969,020	1,518,520	8,249,883
Nilai buku bersih					
Pada 31 Disember	1,219	261,976	2,925,884	1,037,827	4,226,906

	Perabot dan kelengkapan	Peralatan pejabat	Sistem aplikasi & komputer	Kenderaan bermotor	Jumlah
2015	RM	RM	RM	RM	RM
Kos					
Pada 1 Januari	1,166,719	745,504	4,445,203	2,618,582	8,976,008
Lupus	(9,203)	(4,773)	(119,212)	(259,607)	(392,795)
Penambahan	-	65,861	1,286,857	627,748	1,980,466
Pada 31 Disember	1,157,516	806,592	5,612,848	2,986,723	10,563,679
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Januari	1,149,440	472,085	3,831,027	1,651,059	7,103,611
Lupus	(9,200)	(3,911)	(119,167)	(259,605)	(391,883)
Penambahan	14,998	67,221	508,115	291,382	881,716
Pada 31 Disember	1,155,238	535,395	4,219,975	1,682,836	7,593,444
Nilai buku bersih					
Pada 31 Disember	2,278	271,197	1,392,873	1,303,887	2,970,235

Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)



5. PENGHUTANG

	2016 RM	2015 RM
Penghutang operasi	3,966,619	6,671,100
Penghutang bukan operasi	493,300	350,377
	4,459,919	7,021,477

6. PENDAHULUAN, PRABAYAR DAN DEPOSIT

	2016 RM	2015 RM
Pendahuluan, prabayar dan penghutang lain	657	87,984
Deposit sewa bangunan dan insurans	794,679	592,193
Pinjaman kakitangan	49,138	71,988
	844,474	752,165

7. FAEDAH TERAKRU

Faedah terakru adalah terdiri daripada faedah deposit dan repo yang dibuat di bank berlesen.



Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

8. DEPOSIT DI BANK BERLESEN – SIMPANAN TETAP DAN REPO

Kadar faedah bagi deposit simpanan tetap dengan bank berlesen ialah di antara 3.70% hingga 4.70% setahun (2015: 3.35% - 4.70%). Tempoh matang deposit tetap di antara enam (6) hingga empat belas (14) bulan. Deposit simpanan tetap dengan bank-bank berlesen seperti berikut:

	2016 RM	2015 RM
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	7,000,000	18,100,000
Malayan Banking Berhad	51,100,000	20,200,000
RHB Bank Berhad	5,000,000	8,700,000
Bank Simpanan Nasional	1,700,000	-
	64,800,000	47,000,000

9. PEMIUTANG LAIN

	2016 RM	2015 RM	Dinyatakan semula
Pendapatan tertunda	9,051,738	7,724,883	
Pemiutang lain	4,686,831	1,160,212	
Perbelanjaan terakru	268,988	200,976	
Peruntukan manfaat pekerja (cuti dan faedah)	233,360	213,221	
	14,240,917	9,299,292	

Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)



10. GERAN – MODUL LATIHAN (KETTHA-SPAN-MYWA)

	2016 RM	2015 RM
Baki 1 Januari	-	-
Tambah: Terimaan pada tahun semasa	4,386,792	-
Faedah atas simpanan tetap	104,749	-
	4,491,541	-
Tolak: Dilunaskan kepada penyata pendapatan	(82,480)	-
Baki 31 Disember	<u>4,409,061</u>	-

11. PERBELANJAAN PEKERJA

	2016 RM	2015 RM	Dinyatakan semula
Gaji, upah dan bonus	16,530,736	15,527,335	
Elaun Anggota SPAN	308,500	255,125	
Elaun tetap	85,700	63,000	
Sumbangan badan berkanun (KWSP, KWAP, SOCSO)	2,623,747	2,477,473	
Elaun lebih masa	259,449	284,126	
Faedah kewangan lain	2,201,512	1,834,197	
Manfaat pekerja	20,139	213,221	
	<u>22,029,783</u>	<u>20,654,477</u>	

Jumlah pekerja SPAN pada 31/12/2016 ialah 236 orang (2015: 222 orang).



Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

12. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2016 RM	2015 RM
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup serta lain-lain kemudahan	1,633,641	1,579,219
Perhubungan dan utiliti	741,759	790,313
Sewaan	3,189,780	3,041,896
Hospitaliti/ bahan makanan dan minuman	87,175	94,188
Bekalan, percetakan dan bahan-bahan lain	560,155	502,453
Penyelenggaraan dan pemberian kecil	1,072,031	753,662
Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain	3,019,718	2,126,197
	10,304,259	8,887,928

13. PERBELANJAAN LAIN

	2016 RM	2015 RM
Caj bank	2,164	1,751
Insurans dan cukai jalan	69,658	67,271
Duti setem	20,877	1,490
Caj GST	47,752	15,182
Sumbangan / tajaan / hadiah	70,657	132,100
	211,108	217,794

Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)



14. SUMBANGAN KEPADA FORUM AIR

Sumbangan kepada Forum Air Malaysia dalam tahun semasa berjumlah RM800,000 (2015: RM600,000) iaitu sebuah pertubuhan yang didaftar dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 25 Ogos 2008 yang bertujuan untuk mewakili hak, pendapat dan kepentingan pengguna perkhidmatan bekalan air dan pembetungan di Malaysia sejarah dengan peruntukan seksyen 69 dan 70 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Sumbangan tersebut telah diluluskan oleh SPAN dan juga kelulusan YB Menteri KeTTHA melalui peruntukan bajet SPAN tahun 2016.

15. CUKAI

	2016 RM	2015 RM
Tahun semasa:		
- cukai pendapatan	1,980,368	1,404,018
Tahun terdahulu:		
- cukai terkurang / (lebihan cukai)	52,796	(152,217)
	2,033,164	1,251,801

Penyesuaian di antara kenaan cukai dan lebihan kendalian sebelum cukai adalah seperti berikut:

	2016 RM	2015 RM
Lebihan kendalian sebelum cukai	15,910,404	15,650,545
Cukai dikira pada kadar cukai Malaysia 24% (2015:25%)	3,818,497	3,912,636
Kesan cukai ke atas pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(1,785,333)	(2,660,835)
	2,033,164	1,251,801

Geran oleh kerajaan adalah dikecualikan dari cukai di bawah seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967. SPAN telah mendapat pengecualian cukai pendapatan melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2006 yang diberikan oleh Kementerian Kewangan pada 15 April 2009.



Nota Kepada Penyata Kewangan (sambungan)

16. URUSNIAGA DENGAN PIHAK BERKAITAN

	2016 RM	2015 RM
Yuran Pengurusan KWSMP	<u>5,669,727</u>	<u>5,000,000</u>

Tiada perbelanjaan telah diiktiraf dalam tempoh kewangan semasa untuk hutang lapuk atau hutang ragu berkenaan dengan amaun yang terhutang oleh pihak berkaitan.

17. MAKLUMAT PERBANDINGAN


Sebahagian daripada angka-angka perbandingan di dalam penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan telah diselaraskan untuk disesuaikan dengan pembentangan akaun pada tahun semasa.

Angka-angka perbandingan tersebut adalah:

	Seperti pada tahun sebelum RM	Pelarasian RM	Seperti dinyatakan semula RM
Penyata Kedudukan Kewangan			
Liabiliti Semasa			
Manfaat Pekerja – faedah pinjaman	208,310	4,911	<u>213,221</u>
Dibiayai oleh			
Kumpulan Wang Terkumpul	49,872,866	(4,911)	<u>49,867,955</u>
Penyata Pendapatan			
Perbelanjaan			
Manfaat Pekerja – faedah pinjaman	(208,310)	(4,911)	<u>(213,221)</u>

18. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan SPAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah dibentang dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 7 Jun 2017.



Pejabat-Pejabat SPAN



Pejabat-Pejabat SPAN

A

Ibu Pejabat SPAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
Aras bawah & Aras Satu,
Prima Avenue 7, Blok 3510,
Jalan Teknokrat 6,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603 8317 9333 / 9334 / 9335
Faks: +603 8317 9336 / 8317 9339
Laman Web: www.span.gov.my

B

SPAN Wilayah Tengah

Aras Bawah, Prima Avenue 8,
Jalan Teknokrat 6,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603 8317 9333 / 9334 / 9335
Faks: +603 8317 9460

C

SPAN Wilayah Utara

Tingkat 5, Kompleks Sempilai Jaya,
Jalan Sempilai, Seberang Jaya,
13700 Pulau Pinang.
Tel: +604 397 0533
Faks: +604 397 0531

D

SPAN Wilayah Timur

2nd Floor, Wisma PERKESO,
Lot 2467, Jalan Air Jernih,
20200 Kuala Terengganu,
Terengganu.
Tel: +609 624 6087 / 78
Faks: +609 624 6088

E

SPAN Wilayah Selatan

Suite 22- 02, Tingkat 22,
Menara MSC Cyberport,
No. 5, Jalan Bukit Meldrum,
80300 Johor Bahru, Johor.
Tel: +607 222 5842 / 3
Faks: +607 222 5844

F

Pejabat Cawangan Ipoh (Wilayah Utara)

Lot 6.3, Tingkat 6, Bangunan KWSP,
Jalan Greentown,
30450 Ipoh, Perak.
Tel: +605 241 3209 / 10
Faks: +605 241 3213

G

Pejabat Cawangan Kuantan (Wilayah Timur)

Lot 2.01A, Tingkat 2,
Bangunan KWSP Pahang,
Persiaran KWSP Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang.
Tel: +609 573 0153 / 52
Faks: +609 573 0149

H

Pejabat Cawangan Melaka (Wilayah Selatan)

Lot 4.2 & 4.3, Tingkat 4,
Bangunan Bank Rakyat,
Jalan Hang Tuah,
75300 Melaka.
Tel : +606 281 6314 / 6559
Faks : +606 281 9343



